

Bab 6

MEWUJUDKAN PERSEKITARAN KE ARAH MENINGKATKAN KUALITI HIDUP



Jambatan Pulau Pinang



Kerajaan komited untuk memastikan kualiti hidup yang tinggi di kawasan bandar dan luar bandar selaras dengan aspirasi Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju. Ini bermaksud kawasan di bandar dan luar bandar akan menjadi kawasan yang menarik untuk didiami dengan perumahan dan perkhidmatan yang berkualiti serta pelbagai aktiviti riadah dan kebudayaan. Ini bermakna kawasan luar bandar mengekalkan cirinya yang tersendiri di samping memanfaatkan keperluan perkhidmatan asas yang disediakan. Ini juga bermakna, pengangkutan awam dirancang untuk memenuhi keperluan rakyat, semua orang mendapat akses kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti dan berasa selamat di dalam komuniti mereka. Akhir sekali, ini bermakna persekitaran akan dipelihara untuk generasi akan datang.

Jika diukur daripada langkah yang diambil, Malaysia telah mencapai kejayaan. Pendekatan berkaitan perumahan yang dilaksanakan telah membantu usaha menangani kemiskinan tegar. Pada masa ini, sebahagian besar rakyat Malaysia mendiami kawasan yang mendapat bekalan elektrik yang stabil, akses kepada air bersih dan perkhidmatan kesihatan. Melangkah ke hadapan, Malaysia berdepan dengan cabaran dan peluang baru termasuk pertambahan penduduk bandar yang pesat dan peningkatan harapan rakyat, perubahan demografi serta kesan perubahan iklim dunia.

Dalam menangani cabaran tersebut dan mengambilnya sebagai peluang, ia memerlukan anjakan yang signifikan kepada dasar dan tindakan yang akan dilaksana. Malaysia bukan sahaja perlu terus memperluas liputan perkhidmatan, tetapi juga meningkatkan kualiti perkhidmatan. Dalam persekitaran fiskal yang ketat, penyediaan perkhidmatan ini harus dilakukan secara lebih cekap dan berkesan kos bagi memastikan nilai yang lebih besar untuk setiap ringgit yang dibelanjakan. Anjakan ini penting untuk memastikan rakyat dapat menikmati kualiti hidup yang lebih tinggi dan bersaing di peringkat global untuk mengekal dan menarik bakat yang menjadi tunggak kepada pembentukan sebuah negara maju. Ke arah itu, strategi dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), 2011-2015 akan ditumpukan kepada perkara berikut:

- **Membangun kawasan kediaman yang berdaya maju dan menarik.** Mempengaruhi bentuk dan ciri kawasan yang boleh menjadikannya tempat yang menarik untuk didiami, bekerja dan beriadah;
- **Membangun sistem pengangkutan awam yang mengutamakan rakyat.** Menstruktur semula sektor pengangkutan dan memastikan pelaburan yang berterusan dalam infrastruktur supaya pengangkutan awam menjadi pilihan utama;
- **Mentransformasi penjagaan kesihatan untuk mempertingkat kualiti dan menyedia akses sejagat.** Menstruktur

semula sistem penyampaian penjagaan kesihatan untuk meningkatkan kualiti dan keupayaan penjagaan serta beralih daripada strategi yang menekankan rawatan kepada Pencegahan penyakit dan gaya hidup sihat;

- **Memastikan akses kepada perumahan yang berkualiti dan mampu milik.** Memenuhi keperluan penduduk yang meningkat dengan memadankan penawaran dan permintaan rumah mampu milik dan menggalakkan industri yang lebih cekap dan mampan;
- **Menyedia utiliti dan perkhidmatan awam yang lebih cekap.** Mengutamakan kecekapan dan produktiviti dalam penyediaan perkhidmatan bekalan air dan sistem pembentungan, bekalan elektrik dan jalur lebar yang andal, serta memperkuuh dan meningkatkan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam;
- **Menjadikan jalan dan masyarakat lebih selamat.** Mengurangkan jenayah dan meningkatkan rasa selamat di kalangan rakyat; dan
- **Menghargai khazanah alam sekitar negara.** Memastikan rakyat Malaysia memainkan peranan mengurus dengan berhemat dan memulihara sumber sedia ada untuk generasi akan datang.


MEMBANGUN KAWASAN KEDIAMAN YANG BERDAYA MAJU DAN MENARIK

Malaysia telah mengamal strategi pertumbuhan wilayah yang seimbang dan langkah ini telah meningkatkan kualiti hidup komuniti di negara ini. Berdasarkan Indeks Pembangunan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, kualiti hidup secara keseluruhan menunjukkan peningkatan daripada 0.80 pada tahun 2000 kepada 0.83 pada tahun 2007. Penumpuan kepada peningkatan kualiti hidup untuk semua rakyat terus menjadi agenda utama Kerajaan dan menjadikan Malaysia sebagai tempat yang menarik untuk didiami, bekerja dan beriadah.

Sepanjang dekad yang lalu, Malaysia melalui proses pembandaran yang pesat dengan penduduk di kawasan bandar meningkat pada kadar 2.2% berbanding penduduk luar bandar pada kadar 1.6% bagi tempoh 2000 hingga 2009. Penduduk

bandar di Semenanjung Malaysia merangkumi 67% daripada jumlah penduduk, dengan pertumbuhan kawasan bandar pada kadar 2.1% berbanding dengan pertumbuhan kawasan luar bandar pada kadar 1.4% untuk tempoh yang sama. Di Sabah dan Sarawak, proses pembandaran semakin jelas dengan pertumbuhan lebih cepat di kawasan bandar berbanding luar bandar pada kadar 0.5% hingga 0.7% dalam tempoh 2000 sehingga 2009. Aliran ini dijangka berterusan seiring dengan pembangunan negara. Di Semenanjung Malaysia, 94% daripada pertumbuhan penduduk dijangka akan bertumpu di kawasan bandar bagi tempoh 2000 hingga 2020 seperti di Carta 6-1.



Carta 6-1

Terdapat hubung kait yang rapat antara corak pembangunan dengan kemajuan ekonomi. Kemajuan ekonomi membolehkan rakyat menikmati kualiti hidup yang tinggi. Dari segi yang lain, rakyat dan aktiviti ekonomi akan tertumpu ke arah tempat yang berdaya maju, seterusnya membentuk pertumbuhan kluster yang menjana faedah melalui pengaglomeratan ekonomi, produktiviti dan inovasi. Menyedari hal ini, Kerajaan akan menyusun strategi untuk pertumbuhan tertumpu di konurbasi bandar.

Penumpuan pembangunan di kawasan bandar tidak menjelaskan pembangunan di luar bandar. Sama ada di bandar atau luar bandar, Kerajaan akan terus menyediakan perkhidmatan asas bagi meningkatkan kualiti hidup seperti penjagaan kesihatan, pendidikan, keselamatan, komunikasi dan pengangkutan di bandar dan di luar bandar. Strategi pertumbuhan bertumpu dan pembangunan inklusif akan disokong dengan memperkuatkan hubungan fizikal dan ekonomi kawasan bandar dan luar bandar supaya rakyat Malaysia akan menjadi sihat, berpendidikan, selamat, mudah bergerak dan berhubung, tanpa mengira tempat tinggal pilihan mereka.

Kawasan bandar dan luar bandar menghadapi cabaran yang berbeza. Pembangunan infrastruktur dan institusi bagi meningkatkan kualiti hidup perlu mengambil kira kepentingan pembangunan bandar secara mampan. Di luar bandar, cabaran yang dihadapi adalah untuk meningkat dan meneruskan penyediaan perkhidmatan asas secara berterusan kepada penduduk yang semakin berkurangan bilangannya. Bagi menangani cabaran tersebut, dua strategi yang saling berkait akan dilaksana dalam tempoh Rancangan seperti berikut:

- Membangun bandar bertaraf dunia yang berdaya maju dan sesuai didiami; dan
- Memperluas perkhidmatan asas di kawasan luar bandar.

Membangun Bandar yang Berdaya Maju dan Sesuai Didiami

Bandar yang sesuai didiami ialah bandar yang berdaya maju dan menarik. Dalam ekonomi global dan sentiasa berubah pada hari ini, tenaga kerja berkemahiran tinggi dan kumpulan profesional mempunyai pelbagai pilihan tempat tinggal. Daya tarikan bandar berkait rapat dengan kesesuaian untuk didiami dan bandar berpendapatan tinggi yang lazimnya menunjukkan prestasi yang dari segi kesesuaian untuk didiami seperti di Carta 6-2.

Melangkah ke hadapan, bandar di Malaysia menghadapi cabaran dan perubahan pantas, sebagiannya didorong oleh pengaruh global:


- **Kekangan fizikal.** Terdapat dua pilihan untuk menampung pertumbuhan, sama ada pembangunan secara menegak atau tersebar. Pembangunan secara tersebar atau rebakan mengakibatkan masa perjalanan yang lebih



Carta 6-2

Terdapat hubungkait yang rapat antara kekayaan bandar dan kualiti hidup di dalam bandar

Garis aliran jangkaan perbelanjaan negara berdasarkan kepada kekayaan, 2006



SUMBER: Economist Intelligence Unit, Price Waterhouse Coopers

panjang, kesesakan dan pencemaran serta menjelaskan kawasan sensitif alam sekitar;

● **Harapan rakyat dan tuntutan yang lebih tinggi.**

Kemasukan penduduk di bandar membawa bersama idea, budaya, pandangan dan nilai baru yang mewujudkan kepelbagaiannya di kalangan masyarakat. Di samping itu, penduduk kosmopolitan yang berpendapatan semakin tinggi akan menuntut pelbagai aktiviti riadah dan kebudayaan; dan

● **Kemampunan.** Meminimumkan kesan negatif ke atas ekologi merupakan tekanan asas yang dihadapi oleh setiap bandar.

Pendekatan baru yang akan digunakan untuk menangani cabaran membangun bandar yang berdaya maju dan sesuai didiami adalah seperti Jadual 6-1.

Tidak wujud satu formula khusus untuk mengurus pertumbuhan setiap bandar. Setiap bandar di semua peringkat hierarki memerlukan strategi pertumbuhan yang unik bersesuaian dengan ciri dan kekuatan semula jadi yang tersendiri. Dalam hubungan ini, Rancangan Fizikal Negara (RFN) kedua akan dimuktamadkan pada tahun 2010 bagi menetapkan hala tuju strategik dan keutamaan bagi pembangunan fizikal di Semenanjung Malaysia. Pada masa yang sama,

Jadual 6-1: Pendekatan baru untuk mewujud bandar yang berdaya maju dan sesuai didiami


Elemen	Pendekatan Semasa	Penekanan Baru
Reka bentuk bandar	Menjadikan bandar menarik secara fizikal	Menjadikan kesejahteraan, kualiti hidup dan kesesuaian didiami sebagai keutamaan bagi setiap projek di bandar
	Pembangunan harta tanah memacu perwujudan bandar	Pemaju perlu mengutamakan kehendak orang awam termasuk nilai estetika
	Perancangan berasaskan projek fizikal	Perancangan berasaskan komuniti dan kejiranan
	Pengasingan fungsi pembangunan mengikut jenis kegunaan tanah: kediaman, komersial dan industri	Pembangunan bercampur adalah penting untuk menggalak kediaman, bekerja dan aktiviti riadah di dalam kawasan yang sama
Pengangkutan	Jaringan pengangkutan direka bentuk untuk menggerakkan kendaraan melalui jalan dan lebuhraya	Jaringan pengangkutan direka bentuk untuk menggerakkan rakyat dengan memberi tumpuan kepada penyediaan pengangkutan awam sebagai tulang belakang utama serta disokong dengan jaringan jalan mesra pejalan kaki
	Pergerakan dilihat sebagai isu jaringan pengangkutan dan kejuruteraan trafik	Mobiliti, kebolehcapaian dan hubungan yang lancar merupakan <i>outcome</i> yang disasarkan
Alam sekitar, aktiviti dan budaya	Alam sekitar dan sumber asli dianggap percuma	Projek di kawasan bandar perlu mengambil kira kos ke atas alam sekitar
	Penekanan terhadap penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan bandar	Budaya merupakan satu aset dan mencorak ciri bandar yang tersendiri melangkaui perkhidmatan dan infrastruktur
	Bahan buangan dilupus	Bahan buangan merupakan sumber yang boleh dikitar dan diguna semula, contohnya inisiatif penjanaan tenaga daripada bahan buangan
Tadbir urus	Perancangan dan penyediaan infrastruktur merupakan peranan Kerajaan Pusat	Meningkatkan kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dalam perancangan dan membuat keputusan
	Penyertaan dan perundingan yang terhad dengan masyarakat	Pendekatan perundingan digunakan dalam perancangan dan reka bentuk dengan mengambil kira pandangan masyarakat dan komuniti perniagaan

“... pekerja muda dan pesara sering mencari tempat kediaman di lokasi yang padat, dalam komuniti yang serba lengkap yang tidak memerlukan kereta - iaitu, bandar atau pinggiran bandar yang mana kawasan perumahan, kedai, sekolah, taman dan prasarana lain adalah berdekatan.”

“Back to the City”, Harvard Business Review (Mei 2010)

Carta 6-3

Pertumbuhan akan tertumpu di konurbasi bandar



strategi pembangunan di Sabah dan Sarawak akan dibentuk berdasarkan kepada rancangan struktur negeri.

RFN dan Dasar Perbandaran Negara (DPN) menggariskan hierarki bagi perluasan kawasan bandar atau konurbasi. Setiap konurbasi bandar lazimnya mengandungi pusat bandar utama serta bandar satelit di sekitarnya. Konurbasi pertumbuhan wilayah meliputi kawasan bandar termasuk Georgetown, Johor Bahru, Kuantan, Kuching dan Kota Kinabalu. Hierarki konurbasi seperti di Carta 6-3 akan memudahkan Kerajaan

menyusun keutamaan dari segi perancangan dan penyaluran sumber bagi memastikan pertumbuhan yang optimum.

Kuala Lumpur sebagai ibu kota dan pusat kewangan negara, kaya dengan pelbagai budaya dan aktiviti antarabangsa. Bandaraya Georgetown mempunyai reputasi tinggi sebagai sebuah bandar kosmopolitan, yang kaya dengan warisan dan tradisi telah diiktiraf sebagai Bandar Warisan Dunia oleh UNESCO. Di selatan, kemakmuran Johor Bahru adalah kerana lokasinya yang strategik di

laluan utama kapal dagang, selain kedudukannya yang berdekatan dengan Singapura. Kuantan, Kuching dan Kota Kinabalu berperanan sebagai pusat budaya dan ekonomi bagi wilayahnya dan bertindak sebagai pintu masuk penting yang menghubungkan wilayah tersebut dengan dunia luar. Semua bandar ini mempunyai keunikan tersendiri sebagai asas untuk dibangun iaitu gabungan budaya yang berdaya maju, warisan Asia yang unik dan infrastruktur yang kukuh.

Dalam tempoh Rancangan, tumpuan akan diberikan kepada:

- Mewujud bandar padat dan cekap;
- Mewujud bandar menarik dan selesa.



Mewujud Bandar Padat dan Cekap

Di bawah unjuran pertumbuhan semasa, kawasan bandar di Semenanjung Malaysia perlu menampung pertambahan enam juta penduduk bagi tempoh 2010 hingga 2020. Kawasan untuk pembangunan, khususnya di *Greater Kuala Lumpur* (*Greater KL*) adalah terhad dan tidak dapat menampung permintaan yang meningkat. Pembangunan bandar padat akan digalakkan untuk menampung pertumbuhan. Bagi konurbasi bandar yang terdiri daripada beberapa bandar raya atau bandar, langkah perlu diambil untuk memastikan setiap bandar satelit atau bandar di sekeliling pusat bandar utama menjadi tempat yang berdaya maju untuk didiami, bekerja dan beriadah.

Mengurus Pertumbuhan

Bagi menggalakkan pembangunan bandar padat, Kerajaan akan memudahkan penggunaan mekanisme pengurusan pertumbuhan yang lebih baik seperti pembahagian kawasan mengikut zon, sempadan pembangunan bandar, peraturan kawalan pertumbuhan dan insentif pembangunan lain. Ini membolehkan bandar dibangunkan secara lebih intensif dan direkabentuk supaya berfungsi dengan lebih cekap untuk jangka panjang dengan mengambil kira faktor keselamatan dan sensitif kepada persekitaran. Memandangkan

mekanisme berkenaan adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) dan negeri, Kerajaan Persekutuan akan bekerjasama dan membantu agensi berkenaan dalam mencapai objektif bersama membangunkan bandar yang berdaya maju.

Bagi menzahirkan potensi yang terdapat dalam sesebuah bandar, pembaharuan dan pembangunan semula bandar di kawasan *brownfield* akan dilaksanakan. Potensi ini dapat dicapai melalui penyediaan insentif dan mekanisme yang sesuai untuk menyokong

pembangunan semula kawasan terbiar, usang dan tertinggal. Salah satu insentif yang dipertimbang ialah pelaksanaan mekanisme yang memudahkan penjualan kawasan milik bersama bagi menggalakkan pembangunan semula atau mekanisme penjualan *en-bloc*. Kerajaan akan bekerjasama dengan sektor swasta untuk membangunkan semula tanah dan harta tanah milik Kerajaan yang berpotensi tinggi. Pembangunan tanah milik Kerajaan ini akan diurus secara teliti bagi memastikan pembangunan yang akan dilaksanakan adalah berpadanan dengan potensi komersial dan nilai pasaran tanah.



Pembangunan Bercampur

Perancangan bandar akan menjurus kepada pendekatan pembangunan berteraskan rakyat. Ini bermakna bandar akan direka bentuk untuk mengurangkan jarak perjalanan dan menggalak aktiviti mesra rakyat di dalam persekitaran bandar dengan menumpu kepada pelbagai aktiviti dan kemudahan yang mudah diakses. Matlamat ini dapat dicapai melalui pembangunan bercampur di kawasan kejiranan dengan menggabungkan tempat kediaman, kedai dan pejabat. Rancangan Struktur dan Tempatan akan digalakkan ke arah melaksana lebih banyak pembahagian mengikut zon bagi pembangunan bercampur untuk kegunaan komersil dan kediaman.

Untuk mencapai kejayaan, pembangunan bercampur yang berkepadatan tinggi perlu disepadukan dengan sistem pengangkutan awam yang lebih cekap. Pembangunan berorientasi transit akan digalak bagi memastikan pemaju mengambil kira keperluan pejalan kaki dan pengangkutan awam dengan menyediakan jalan raya yang lebar untuk bas serta kawasan perhentian bas. Ini bagi memastikan pengangkutan awam mudah diakses oleh pejalan kaki dari kediaman atau tempat kerja. Kawasan yang mempunyai stesen keretapi berkeupayaan tinggi tersebut akan dikenal pasti sebagai koridor

transit. Pembangunan di kawasan tersebut akan diurus untuk menggalakkan kepadatan lebih tinggi bersama penggunaan yang mencergaskan kawasan tersebut yang akan meningkat nilai pembangunan hasil daripada peningkatan akses.

Integrasi kegunaan tanah dengan perancangan pengangkutan merupakan komponen penting dalam Rancangan Tempatan ke arah peralihan pembangunan bandar yang padat dan cekap. Contoh model urbanisasi baru adalah seperti di Carta 6-4.

Mewujudkan Bandar Menarik dan Selesa

Membangunkan bandar yang menarik dan selesa memerlukan kombinasi beberapa strategi iaitu menyediakan ruang awam yang nyaman yang boleh menjadi daya tarikan orang ramai.

Ruangan Terbuka dan Koridor Hijau

Rancangan Tempatan akan menggabungkan strategi ruangan terbuka yang bukan sahaja sekadar menyediakan ruang tersebut tetapi telah mengambil kira bagaimana bandar boleh meningkat dan menarik orang ramai supaya menggunakan ruang awam tersebut. Bagi menggalakkan pembangunan ruang awam, Kerajaan akan membantu pihak berkuasa

Carta 6-4


Kajian kes: Urbanisasi Baru, anjakan kepada model padat

Kajian menunjukkan pembangunan tidak terancang memberi kesan buruk kepada kualiti hidup...

"Kepesatan pembangunan tidak terancang menimbulkan banyak kos ke atas ekonomi, alam sekitar dan sosial, yang mana sehingga kini tersembunyi, terabai atau ditanggung oleh masyarakat. Tanggungan kos ini semakin jelas. Perniagaan terjejas akibat kos yang tinggi, pengurangan produktiviti pekerja dan pelaburan yang tidak digunakan sepenuhnya dalam komuniti yang lama..."

Merentasi Pembangunan Tidak Terancang: Corak Pertumbuhan yang Baru untuk Menyesuaikan dengan New California

Urbanisasi Baru: Menggalakkan konsep kejiranan yang padat, pelbagai guna dan berdekatan pengangkutan awam



- Kejiranan mempunyai pusat dan pinggiran dengan kira-kira 400 meter dari pusat ke pinggiran
- Tempat dibina di sekitar pengangkutan awam dan infrastruktur pejalan kaki, di mana jalan adalah selamat, selesa dan tempat yang menarik untuk berjalan dan bertemu
- Pengangkutan awam menghubungkan kejiranan, bandar dan kawasan yang lebih luas

SUMBER: Merentasi Pembangunan Tidak Terancang (BoA), Piagam Urbanisasi Baru (CNU), Bagaimana Bandar Berfungsi (Marshall)

tempatan untuk mewujudkan rangkaian kawasan hijau yang bersambungan dalam bandar bagi menghubungkan hab aktiviti utama dengan kawasan kediaman, serta dilengkapi kemudahan seperti amfiteater, laluan basikal dan pejalan kaki serta kemudahan lain. Syarikat swasta akan digalak untuk turut membantu penubuhan dan penyenggaraan koridor hijau sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat mereka.

Bagi Greater KL, Taman Tasik seluas 101 hektar akan dibangun menjadi Taman Botani

dengan pelbagai pokok dan bunga yang unik, laluan semulajadi dan taman tema mini. Untuk memudahkan akses ke taman tersebut, laluan pejalan kaki yang menghubungkan Taman Tasik dan pusat bandar akan dibina bersekali dengan penambahbaikan perkhidmatan pengangkutan awam. Pusat aktiviti seperti plaza terbuka dan kafe akan dibangunkan di dalam taman tersebut. Pelbagai persembahan budaya dan kontemporari akan digalak untuk dipertonton di amfiteater di taman tersebut.

Membangun Semula Waterfront

Kebanyakan bandar ikonik dunia mempunyai ciri penting yang sama, iaitu *waterfront* yang berdaya maju. Sungai Thames di London, *Esplanade* di Singapura serta Cheong Gye Cheon di Seoul, Republik Korea semuanya mempunyai *waterfront* yang dipulihara dan dimajukan dengan baik. Dalam hubungan ini, pemulihan sungai dan *waterfront* di bandar Malaysia akan menjadi keutamaan. Sebagai contoh, bandar seperti Kuala Lumpur, Melaka, Kota Kinabalu dan Kuching yang kini merupakan pusat aktiviti utama mempunyai *waterfront* yang strategik. Projek Pemulihan dan Pengindahan Sungai Melaka yang memenangi anugerah berdasarkan keunikan seni bina dengan mengintegrasikan reka bentuk moden dan kekayaan warisan budaya merupakan satu usaha yang perlu dicontohi dalam usaha membangun semula *waterfront*. Pemulihan sungai merupakan inisiatif jangka panjang yang memerlukan usaha bersepada berskala besar bagi membersih, memulih ekosistem dan melindungi sungai, meliputi tempat ia mengalir melalui bandar serta di hulu tempat ia bermula.

Seni, Budaya dan Riadah

Seni dan budaya bukan sahaja penting untuk menjadikan bandar tempat yang menarik untuk didiami, bekerja dan beriadah tetapi ia juga

merupakan pemangkin inovasi dalam ekonomi yang semakin berasaskan pengetahuan. Dengan peningkatan pendapatan dan kekayaan, rakyat Malaysia, terutamanya generasi muda, akan mempunyai peluang yang lebih luas untuk memberi perhatian kepada isu budaya, warisan dan kualiti hidup. Langkah akan diambil untuk menjadikan seni dan budaya Malaysia lebih relevan dan berdaya maju di peringkat antarabangsa dengan matlamat untuk mencipta identiti seni dan budaya berciri Malaysia yang sebenarnya. Bandar merupakan inkubator semula jadi bagi transformasi tersebut kerana mempunyai pelbagai budaya dan perspektif yang dapat mencetus persekitaran kesenian yang cergas. Bandar lain yang telah mengiktiraf kepentingan ini adalah seperti di *Carta 6-5*.

Mentransformasikan seni melibatkan golongan artis dan penonton. Sokongan kepada artis adalah dalam bentuk geran industri kreatif atau pinjaman untuk pembentukan kelompok seni, seperti *Art Enclave* atau Perkampungan Seni. Ini akan menyediakan ruang kerja untuk artis dan penumpuan aktiviti serta peluang mencapai kejayaan komersial dalam seni kreatif seperti ruang bidaan hasil seni, galeri, pentas pertunjukan, restoran dan kedai. Untuk mengukur kejayaan dari segi penglibatan penonton, langkah akan diambil untuk mengukur *outcome* dalam seni dan kebudayaan seperti bilangan teater dan

Carta 6-5**Bandar Asia yang lain telah memperakui kepentingan memiliki kebudayaan dan kesenian yang berdaya maju****Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu**

- Di bawah projek Pulau Saadiyat, Kerajaan Abu Dhabi mengadakan usahasama jangka panjang dengan pelbagai institusi terkenal di dunia seperti *Louvre* dan *Guggenheim* bagi penggunaan jenama dan pinjaman daripada koleksi mereka
- Projek bernilai US\$27 bilion melibatkan pembangunan ruang pameran *biennale*, sekolah dan kolej seni

**Beijing, China**

- Di Beijing, Kerajaan melabur US\$289 juta untuk mengubah suai tempat bersejarah yang menarik seperti Muzium Nasional China
- Pada tahun 2006, China mengumumkan akan membinas 1,000 muzium baru seluruh negara agar setiap bandar utama mempunyai muzium yang moden

**Seoul, Republik Korea**

- Seoul mengumumkan "Visi 2015 Seoul Bandar Budaya" bagi meningkatkan daya saing bandar dengan mereka semula landskap bandar dan membangun kualiti kebudayaan yang tinggi
- Seoul akan melabur sebanyak US\$7.9 bilion untuk membina lebih banyak teater seni persempahan, meningkatkan jumlah galeri seni daripada 25 kepada 50, dan muzium dari 67 kepada 150 menjelang 2015

**Singapura**

- Di bawah Rancangan Bandar Renaissance, Kerajaan merangka visi untuk menjadikan Singapura sebagai Bandar Global Unik untuk Kesenian.
- Institusi kebudayaan yang utama seperti Muzium Kesenian Singapura dan Muzium Nasional memperkenalkan hasil kerja daripada muzium tersohor seperti Muzium Vatican, Louvre dan Muzium Istana Topkapi di Istanbul

SUMBER: Laman sesawang Kerajaan Seoul Metropolitan, Rancangan Bandar Renaissance Singapura, keratan akhbar

persembahan muzik, bilangan syarikat dan pertubuhan seni, kehadiran penonton serta nilai tambah seni dan budaya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Di samping itu, Kerajaan akan menggalakkan penganjuran acara seni dan kebudayaan antarabangsa di bandar. Acara berskala besar seperti acara kesenian, pameran seni, festival filem atau muzik akan menarik penyertaan dari seluruh dunia dan penonton antarabangsa, manakala acara lain seperti *Rainforest Music Festival* di Sarawak akan menarik penonton

serantau dan peminat khusus. Pada masa yang sama, institusi kebudayaan ikonik seperti Muzium Negara, Balai Seni Lukis Negara dan Istana Budaya akan ditransformasi bagi menarik bakat antarabangsa untuk mencipta, mempertonton, mempersembah dan membuat pameran di Kuala Lumpur.

Selain seni, aktiviti riadah dan sukan akan digalak untuk mewujudkan persekitaran yang berdaya maju dan menarik untuk bekerja pada waktu siang dan beriadah pada waktu petang dan hujung minggu. Pembangunan semula tempat dengan

identiti tersendiri seperti *Little India di Greater KL* akan memanfaatkan kekuatan kepelbagai etnik Malaysia dan warisan budaya yang unik. Tumpuan akan diberi kepada aktiviti yang dapat menarik lebih ramai penonton. *Malaysia Truly Asia Centre* akan dibangun sebagai destinasi pelancongan ikonik untuk memperaga kebudayaan, seni dan warisan Malaysia dalam persekitaran yang berdaya maju, interaktif dan hidup. Pusat aktiviti berskala kecil seperti perpustakaan komuniti dan hab kejiranan juga akan diberi penekanan.

Memperluas Perkhidmatan Asas di Kawasan Luar Bandar

Bandar dan luar bandar saling bergantungan dari segi ekonomi. Bandar juga berfungsi sebagai pintu laluan penting menyediakan pasaran bagi komuniti luar bandar. Ekonomi komuniti luar bandar hanya akan berjaya sekiranya infrastruktur ekonomi dan fizikal antara kawasan luar bandar dengan pintu laluan bandar adalah kukuh. Kawasan luar bandar akan mendapat manfaat daripada penumpuan bandar melalui integrasi ekonomi yang kukuh antara aktiviti bandar dengan luar bandar. Pusat pertumbuhan wilayah yang berfungsi dengan baik akan menyediakan perkhidmatan logistik ke kawasan luar bandar yang berdekatan untuk

menyediakannya sebahagian daripada rantaian bekalan tempatan atau antarabangsa. Peluang pekerjaan bukan pertanian di kawasan luar bandar yang menyokong aktiviti ekonomi huluhan di kawasan bandar akan digalakkan di bandar perantaraan serta di pusat tempatan yang utama dalam jarak yang berdekatan kawasan kampung untuk menyediakan peluang bagi meningkatkan tahap pendapatan luar bandar.

Berikutnya bilangan penduduk luar bandar yang semakin berkurangan, sebahagian kampung berkemungkinan turut berkurangan ke tahap di mana penyediaan kemudahan awam dan perkhidmatan tidak lagi berdaya maju. Langkah menyusun semula penempatan penduduk luar bandar tidak hanya akan menyokong perkembangan ekonomi bandar tetapi lebih penting adalah memastikan bahawa perkhidmatan awam yang berkualiti dapat disediakan dengan lebih cekap ke kawasan luar bandar. Oleh itu, pelaksanaan kelompok pertumbuhan di luar bandar atau Pusat Pertumbuhan Desa (RGC) akan ditingkat dan dipercepat supaya warga desa mempunyai pilihan untuk terus menetap di kawasan tersebut bagi mendapat manfaat daripada kemudahan awam berkualiti tinggi seperti kesihatan, pendidikan, komunikasi, pengangkutan awam,

utiliti dan perkhidmatan lain berasaskan komuniti. Perkhidmatan sosial dan komersil serta kemudahan awam akan digabungkan ke dalam RGC bagi membolehkan komuniti luar bandar menikmati kualiti hidup yang lebih baik.

Penyediaan dan penaiktarafan infrastruktur asas fizikal merupakan faktor utama bagi membolehkan integrasi ekonomi dan sosial antara kawasan bandar dengan luar bandar. Dalam tempoh Rancangan, sasaran untuk menambah baik infrastruktur asas seperti yang dijelaskan di Carta 6-6 adalah seperti berikut:

● Memperluas dan menaik taraf rangkaian jalan luar bandar.


Pembinaan jalan luar bandar berturap sepanjang 3,580 kilometer pada akhir tempoh Rancangan, dengan 72% pembinaan jalan tertumpu di Sabah dan Sarawak;

● Memperluas liputan bekalan elektrik.

Liputan elektrik luar bandar akan diperluas menerusi sambungan grid dan sistem alternatif seperti hidro-mini dan solar hibrid. Menjelang tahun 2015, liputan elektrik di Semenanjung Malaysia dijangka mencapai hampir 100%


Carta 6-6

Tumpuan di kawasan luar bandar adalah untuk menambahbaik infrastruktur asas



manakala di Sabah dan Sarawak sebanyak 99%. Untuk mencapai sasaran ini, pelaburan sebanyak RM4.9 bilion diperlukan;

- **Memperluas liputan bekalan air yang dirawat.** Liputan akan diperluas kepada 99% di Semenanjung Malaysia, 98% di Sabah dan 95% di Sarawak menjelang tahun 2015. Langkah ini akan dilaksana melalui pembinaan saluran paip dan pertambahan loji rawatan air. Sistem alternatif seperti sistem graviti, telaga tiub, air bawah tanah dan kemudahan penakungan air hujan akan digunakan di kawasan pedalaman dan terpencil; dan
- **Menghubungkan komuniti luar bandar dengan dunia luar melalui perhubungan maya.** Komuniti luar bandar dapat terus berhubung secara maya dengan dunia luar melalui penyediaan perkhidmatan internet dan jalur lebar. *1Malaysia Internet Centres/Pusat Internet 1Malaysia* di kawasan luar bandar akan menyediakan internet yang mampu diakses dan berperanan sebagai pusat komuniti.



MEMBANGUN SISTEM PENGANGKUTAN AWAM YANG MENGUTAMAKAN RAKYAT

Rangkaian pengangkutan awam yang menyeluruh dan lebih cekap adalah penggerak kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan, dan ianya adalah penting dalam memastikan kawasan bandar dan luar bandar menjadi tempat yang menarik untuk didiami, bekerja dan beriadah. Ini penting terutama di kawasan bandar yang berfungsi sebagai hab ekonomi yang menyediakan mobiliti kepada beratus atau beribu orang sehari. Tanpa sistem pengangkutan awam yang berfungsi dengan baik, kesesakan, kehilangan produktiviti serta kemerosotan kualiti hidup akan menyebabkan bandar besar dan sederhana kekurangan daya saing dan kesesuaian untuk didiami.

Menganggap perkara ini sebagai keutamaan, Kerajaan telah melaksanakan penstrukturkan semula industri pengangkutan awam dengan menukuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan menggubal Rang Undang-Undang Pengangkutan Awam Darat 2010. Sebagai salah satu daripada enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), usaha mempertingkatkan pengangkutan awam bandar juga merupakan bidang keutamaan negara di bawah Program Transformasi Kerajaan (PTK) seperti di Kotak 6-1. Peruntukan sebanyak RM2.8 bilion telah disediakan untuk menyiapkan inisiatif di bawah NKRA bagi tempoh dua tahun pertama Rancangan.

Usaha di bawah Program PTK telahpun menunjukkan tanda kemajuan awal dengan hasil berikut:

- **Empat laluan Transit Ekspres Bas di Greater KL** serta perkhidmatan laju dengan perhentian terhad telah dilancarkan sejak Januari 2010. Perkhidmatan ini telah memendekkan tempoh perjalanan pengguna melebihi 50% bagi laluan terpilih;
- **Lapan set tren empat gerabak di laluan Transit Aliran Ringan (LRT) Kelana Jaya** telah mula beroperasi secara berperingkat sejak akhir tahun 2009 manakala sejumlah 27 set lagi akan beroperasi menjelang akhir tahun 2010. Jumlah penumpang telah meningkat sebanyak 7% untuk bulan Januari hingga bulan Mac 2010 berbanding dalam tempoh yang sama pada tahun 2009; dan
- **Penyiapan Terminal Pengangkutan Bersepadu (ITT) di Bandar Tasik Selatan dalam tahun 2010 dan pelaksanaan ITT Gombak** menjelang tahun 2012 untuk menangani kesesakan berpunca dari bas antara bandar yang tertumpu di pusat bandar Kuala Lumpur.

Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan akan meneruskan usaha ke arah memantapkan

Kotak 6-1

Matlamat NKRA Pengangkutan Awam Bandar adalah untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam di tiga kawasan bandar, iaitu *Greater KL*, Pulau Pinang dan Johor Bahru. Bagi *Greater KL*, inisiatif yang diambil akan menumpu kepada:

- **Meningkatkan keupayaan sistem** bagi menampung pertumbuhan masa depan dan pertumbuhan terpendam dengan melabur dalam kereta api berkeupayaan tinggi serta sistem transit bas yang inovatif;
- **Merangsang permintaan** dengan meningkatkan kualiti perkhidmatan;
- **Melencongkan kenderaan berat** daripada memasuki Kawasan Pusat Perniagaan (CBD);
- **Menyusun semula** fungsi kawal selia industri pengangkutan; dan
- **Mengurus permintaan** bagi mengurangkan penggunaan kendaraan persendirian.

Mempertingkatkan pengangkutan awam bandar

ialah salah satu daripada 6 Bidang Keberhasilan Utama Negara



pendekatan dalam perancangan pengangkutan dan menyepadukan pengangkutan awam dengan pelan induk pembangunan guna tanah di peringkat nasional, wilayah serta daerah. Tujuan penambahbaikan pengangkutan awam adalah untuk membangunkan bandar yang berdaya maju dan sesuai untuk didiami, di samping memastikan bandar kecil dan sederhana tidak dipinggirkan.

Kerajaan telah menetapkan matlamat untuk meningkatkan syer penggunaan pengangkutan awam yang ketara di semua kawasan bandar. Di *Greater KL*, sasarannya adalah untuk meningkatkan syer penggunaan pengangkutan awam daripada 12% pada tahun 2009 kepada 30% menjelang tahun 2015. Dalam tempoh Rancangan, strategi

bagi menjadikan pengangkutan awam sebagai pilihan utama untuk semua pengguna akan memberi tumpuan kepada:

- Memacu pembaharuan kawal selia dan industri;
- Meningkat pelaburan dalam keupayaan pengangkutan sejajar dengan pertumbuhan bandar;
- Mempromosi sistem yang lancar bagi semua mod dan operator; dan
- Mewujudkan rejim pemantauan dan penguatkuasaan yang mantap.

Memacu Pembaharuan Kawal Selia dan Industri

Industri pengangkutan awam darat telah melangkaui satu fasa kritikal. Dengan penubuhan SPAD, kini terdapat satu badan khusus yang bertanggungjawab dalam menambah baik pengangkutan awam darat di seluruh negara, seperti di Kotak 6-2. SPAD akan mula beroperasi pada Jun 2010 dan dalam tempoh Rancangan akan melaksanakan inisiatif berikut:

- Membangun dan memantau pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara untuk tempoh 20 tahun serta pelan induk khusus peringkat wilayah bagi mengenal pasti dasar peringkat makro, strategi dan pelan bagi sektor termasuk pelaburan besar dalam projek infrastruktur utama serta perubahan dasar dan peraturan;
- Mewujudkan rangka kerja pelaksanaan baru bagi operator pengangkutan awam, bermula dengan pengenalan sistem tambang baru yang meningkatkan kemampuan bayar bagi operator persendirian di samping mengekalkan

tambang yang mampu dibayar oleh pengguna serta memastikan standard perkhidmatan sentiasa ditambah baik. Rangka kerja ini memerlukan penyusunan semula dan penyelarasaran laluan yang signifikan. Para pengusaha akan tertakluk kepada rejim penyeliaan prestasi yang ketat bagi memastikan semua pengusaha bas, rel dan teksi mematuhi standard perkhidmatan minimum yang ditetapkan;

- Memperkenalkan inisiatif yang inovatif seperti Sistem *Bus Rapid Transit* (BRT) dan sistem tiket tunggal bukan tunai bagi pelbagai pengusaha; dan
- Kerajaan akan mengkaji potensi memperluas skop SPAD meliputi Sabah dan Sarawak tertakluk kepada kejayaan pelaksanaan SPAD di Semenanjung Malaysia.

SPAD akan bertanggungjawab untuk memacu pencapaian inisiatif yang digariskan dalam tempoh Rancangan. Penubuhan SPAD dijangka akan mengubah struktur keseluruhan pengangkutan awam darat melalui kawal selia industri yang lebih baik termasuk perancangan, pelesenan, peraturan tambang dan penguatkuasaan.

Kotak 6-2***Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD):***

SPAD telah ditubuhkan pada bulan Jun 2010 dan akan memacu pembaharuan penting dalam industri pengangkutan awam darat merentasi fungsi tadbir urus, perancangan, pelesenan serta penguatkuasa. Tabung untuk pengangkutan awam darat telah diwujudkan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat (PAD) dan akan diuruskan oleh SPAD bagi penambahbaikan pengangkutan awam darat serta penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam darat untuk membangunkan luar bandar.

Penubuhan SPAD dan Pengenalan Rang Undang-Undang Pengangkutan Awam Darat 2010 akan memacu pembaharuan penting dalam industri pengangkutan awam



Meningkat Pelaburan dalam Keupayaan Pengangkutan Sejajar dengan Pertumbuhan Bandar

Pelaburan dalam pengangkutan awam menumpu kepada peningkatan kecekapan sistem sedia ada yang beroperasi pada had keupayaannya serta sedia menambah keupayaan untuk menampung pertumbuhan permintaan masa hadapan. Usaha bagi meningkatkan keupayaan pengangkutan awam akan dilaksana meliputi kawasan bandar besar seperti *Greater KL* dan bandar bersaiz sederhana di seluruh negara.

Inisiatif *Greater Kuala Lumpur*

Di *Greater KL*, inisiatif utama untuk meningkatkan keupayaan LRT adalah dengan menyambung laluan sepanjang 34km kepada laluan sedia ada. Sebagai tambahan, pembelian 35 set tren empat gerabak baru akan meningkatkan keupayaan LRT Laluan Kelana Jaya daripada anggaran 24,000 kepada 98,000 penumpang setiap jam


dan mengurangkan masa menunggu daripada 3.3 minit ke dua minit pada waktu puncak. Inisiatif ini akan disiapkan dalam tempoh Rancangan. Bagi menambah baik kesalinghubungan antara sistem KTM Komuter, LRT dan monorel, potensi untuk menyambung sistem monorel akan dipertimbang. Keupayaan sistem KTM Komuter akan dipertingkatkan melalui pembelian 38 set *Electric Multiple Unit* (EMU) enam gerabak yang akan diterima pada tahun 2012, yang akan memberi manfaat kepada lebih daripada 500,000 pengguna setiap hari. Bagi meningkatkan lagi keupayaan pengangkutan awam, Sistem BRT sepanjang 49 km yang meliputi tiga koridor utama di Kuala Lumpur akan dilaksanakan.

Berikutan pertumbuhan pesat di *Greater KL*, satu sistem transit aliran berkapasiti tinggi akan dilaksana untuk menampung keperluan masa depan bagi memudahkan pergerakan beratus ribu pengguna keluar masuk bandar setiap hari. Sistem ini akan disepadukan dengan sistem pengangkutan awam sedia ada dan dalam perancangan dengan mengambil kira aliran pembangunan bandar seperti di *Carta 6-7*.

Carta 6-7

Transit Aliran Berkapasiti Tinggi akan menjadi mercu tanda Greater KL

Sistem ini akan diintegrasikan dengan sistem sedia ada dan meliputi kawasan dalam lingkungan 20 km daripada pusat bandar



ILUSTRASI

1 Jumlah penumpang dalam sehari bagi KTM Komuter, Rapid KL LRT dan sistem Monorail pada 2009
SUMBER: Peta Google Earth

Statistik Utama



- Jumlah panjang sistem ialah 156 km
- Gabungan landasan serta stesen atas dan bawah tanah
- Apabila beroperasi sepenuhnya, sistem akan menyediakan sehingga **dua juta perjalanan setian hari berbanding 480,000 perjalanan¹ sehari bagi sistem pengangkutan bandar masa kini**
- Projek akan dilaksanakan secara **inisiatif kerjasama awam-swasta**

Bandar Raya dan Kawasan Bandar Lain

Selain *Greater KL*, sistem BRT akan dipertimbang untuk dilaksanakan bagi menghubung pusat perkembangan bandar baru di Wilayah Iskandar, Johor. Projek tersebut akan disepadukan dengan inisiatif pengurusan permintaan, kemudahan *park-and-ride* serta terminal bas. Di Pulau Pinang, *Rapid Penang* akan terus meningkatkan kekerapan dan liputan perkhidmatannya.

Di samping itu, Kerajaan akan mempertimbang pelaksanaan pendekatan berskala kecil bagi meningkatkan keupayaan pengangkutan awam di bandar bersaiz sederhana yang akan menyerlahkan ciri keunikan bandar tersebut umpannya trem di bandar seperti Melaka. Bagi bandar bersaiz sederhana berkenaan, usaha akan diambil untuk mengoptimumkan laluan bas bagi mengurangkan masa perjalanan serta memperkenal laluan khas bas di bandar terpilih.

yang tinggi permintaannya. Kerajaan juga akan menambah baik pengangkutan sungai sebagai mod pengangkutan awam, terutama di Sarawak. Pengangkutan sungai juga akan digalakkan sebagai produk pelancongan yang menyediakan peluang kepada para pelancong untuk melawat bandar tersebut melalui penggunaan teksi air.

Sistem antara Bandar

Projek sambungan landasan berkembar elektrik dari Gemas ke Johor Bahru sepanjang 197km akan meningkatkan keupayaan landasan KTM antara 5 hingga 10 kali ganda dan akan mengurangkan masa perjalanan dengan ketara. Dengan siapnya keseluruhan projek landasan berkembar dalam tempoh Rancangan yang melibatkan sambungan dari Johor Bahru di selatan hingga ke Padang Besar di utara, jumlah penumpang dijangka meningkat daripada 4.3 juta dalam tahun 2009 kepada 5.7 juta pada tahun 2015. Muatan barang akan meningkat daripada 5.2 juta tan kepada 8.5 juta tan bagi tempoh yang sama. Bagi pantai timur Semenanjung Malaysia dan Sabah, perkhidmatan kereta api akan dipertingkat melalui pemodenan kemudahan dan teknologi termasuk liputan ke kawasan luar bandar.

Mempromosi Sistem yang Lancar bagi Semua Mod dan Operator

Saling hubungan antara pelbagai mod pengangkutan adalah kritikal dalam memastikan kelancaran perjalanan pengguna dari rumah ke destinasi. Usaha akan ditumpu ke arah meningkatkan peratusan perjalanan sehala yang hanya mengambil masa satu jam dengan kurang daripada empat pertukaran. Bagi memudahkan pengguna, Kerajaan dengan kerjasama agensi berkaitan akan menambah bilangan perhentian bas berdekatan dengan kawasan kediaman, menaik taraf laluan pejalan kaki kepada yang berbumbung, lebar dan selamat dengan mempunyai pencahayaan yang mencukupi serta menaik taraf stesen utama kereta api dan bas.

Dalam tempoh Rancangan, kesalinghubungan antara pelbagai mod pengangkutan awam akan dipertingkat melalui pembinaan hab pertukaran pelbagai mod bagi perkhidmatan dalam bandar, dari kawasan bandar ke pinggir bandar serta perjalanan antara bandar. Di *Greater KL*, langkah ini

akan bermula dengan kerja menaik taraf 14 Hentian Akhir Bandar dalam pusat bandar dan dua terminal pengangkutan antara bandar bagi melancarkan pergerakan perkhidmatan bas dari bandar satelit di sekitar pusat bandar Kuala Lumpur. ITT Bandar Tasik Selatan akan disiapkan pada tahun 2010 manakala pembinaan ITT Gombak akan dimulakan dalam tempoh Rancangan. Kedua-dua ITT ini akan mengurangkan kesesakan di pusat bandar serta melicinkan pergerakan penumpang yang keluar dan masuk ke bandar.

Sistem tiket bersepadu bukan tunai melibatkan kesemua 16 pengusaha pengangkutan awam di Greater KL akan diperkenal. Langkah ini akan menghapuskan penggunaan pelbagai jenis tiket dari pelbagai pengusaha serta mengurangkan masa perjalanan. Penumpang akan disediakan dengan maklumat yang mudah diperoleh berkaitan stesen dan jadual perjalanan bagi memudahkan penggunaan pengangkutan awam. Perhentian bas akan dinaik taraf supaya maklumat jadual perjalanan semua pengusaha dipaparkan dan satu laman web pusat mengenai pengangkutan awam bagi semua mod akan diwujudkan.

Mewujudkan Rejim Pemantauan dan Penguatkuasaan yang Mantap

Melalui penstrukturkan semula kawal selia, pengusaha pengangkutan awam darat akan tertakluk kepada penguatkuasaan dan pemantauan prestasi yang lebih ketat. Sistem Maklumat Pengangkutan Bersepadu di Greater KL akan dinaik taraf sebagai hab bagi penguatkuasaan dan pemantauan prestasi pengangkutan awam darat melalui penggunaan CCTV dan pengesan GPS. Ini akan membolehkan pengumpulan maklumat operasi secara automatik bagi pemantauan prestasi secara lebih cekap ke atas 16 pengusaha bas dan dua pengusaha rel utama.

Petunjuk Penilaian Prestasi bagi pengusaha pengangkutan awam darat seperti prestasi ketepatan masa, keadaan peralatan dan perkhidmatan yang berdaya harap akan diwujudkan. Piawaian perkhidmatan minimum yang jelas akan ditetap dan dihubungkan kepada sistem ganjaran serta penalti bagi memastikan pematuhan. Pelaksanaan rejim pemantauan prestasi akan dimulakan di *Greater KL* dan akan disusuli secara berperingkat ke pusat bandar lain di seluruh negara. Kerajaan juga akan mempertingkat penguatkuasaan ke atas undang-undang sedia ada untuk menghadkan kemasukan kenderaan berat ke kawasan pusat perniagaan pada waktu puncak. Usaha penguatkuasaan bersama antara SPAD, Jabatan Pengangkutan Jalan dan polis trafik akan dilaksana bagi mengurangkan kesesakan.



MENTRANSFORMASI PENJAGAAN KESIHATAN UNTUK MEMPERTINGKAT KUALITI DAN MENYEDIA AKSES SEJAGAT


Kesihatan dan kesejahteraan rakyat merupakan kunci untuk Malaysia mencapai objektif pembangunan ekonomi dan masyarakat. Penjagaan kesihatan yang bertambah baik menyumbang kepada tenaga kerja yang lebih produktif dan merupakan teras untuk menjadikan Malaysia tempat yang lebih baik untuk didiami. Malaysia telah melaksanakan yang terbaik dalam memperluas perkhidmatan kesihatan asas untuk rakyat dan telah mencapai hasil memberangsangkan dengan penurunan kadar kematian bayi daripada 16 kepada 6 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup sepanjang tempoh 1990 hingga 2008. Purata jangka hayat ketika lahir

telah meningkat daripada 69.2 tahun kepada 71.6 tahun bagi lelaki dan 73.7 tahun kepada 76.4 tahun bagi perempuan di antara tahun 1990 hingga 2008 seperti di *Carta 6-8*.

Kajian oleh *London School of Economics* pada tahun 2007 telah merumuskan sistem penjagaan kesihatan Malaysia secara relatifnya berjaya menyediakan perkhidmatan kesihatan yang saksama untuk golongan miskin melalui subsidi kesihatan awam. Perangkaan Bank Dunia seperti di *Carta 6-9* menunjukkan jumlah perbelanjaan untuk kesihatan per kapita di Malaysia adalah sebanyak US\$307 berbanding dengan

Carta 6-8


Malaysia telah menunjukkan kemajuan dalam mempertingkat kesihatan warganya



SUMBER: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 6-9

Pencapaian kesihatan Malaysia berbanding dengan negara terpilih berdasarkan pendapatan setara



SUMBER: Bank Dunia

Singapura sebanyak US\$1,148 dan United Kingdom sebanyak US\$3,867. Walaupun sistem penyampaian kesihatan negara adalah cekap, namun perbelanjaan penjagaan kesihatan perlu dipertingkat bagi menangani tuntutan dan tekanan ke atas sistem penjagaan kesihatan yang semakin meningkat seiring dengan pembangunan.

Melangkah ke hadapan, sistem penjagaan kesihatan berdepan dengan cabaran dan juga peluang daripada perubahan pesat persekitaran kerja, antaranya:

- **Peningkatan tuntutan ke atas kualiti penjagaan kesihatan.** Aliran menunjukkan dengan peningkatan kekayaan, orang ramai akan berbelanja lebih dan menuntut penjagaan kesihatan berkualiti serta mengguna lebih banyak perkhidmatan;
- **Peningkatan tekanan ke atas sistem penjagaan kesihatan awam.** Malaysia mengamalkan dua sistem penjagaan kesihatan iaitu penjagaan kesihatan awam dengan peruntukan subsidi yang besar dan penjagaan kesihatan swasta yang berkembang maju tetapi bertumpu di kawasan bandar;

- **Peningkatan beban kerja di hospital awam menghampiri keupayaan.**

Pada masa kini, sumber sektor kesihatan awam telah menghampiri tahap keupayaan berbanding sektor swasta sehingga membawa kesan ke atas penyampaian kesihatan awam seperti di *Carta 6-10*;

- **Perubahan gaya hidup dan demografi.**

Malaysia menghadapi peningkatan insiden penyakit berkaitan gaya hidup dan menjelang tahun 2020, negara akan mencapai status penduduk menua dengan 10% daripada jumlah keseluruhan penduduk berusia lebih 60 tahun. Kedua-dua aliran ini memberi implikasi yang mencabar kepada penyediaan penjagaan kesihatan; dan

- **Kemajuan teknologi.**


Kemajuan teknologi mencipta peluang bagi penambahbaikan ketara dalam liputan dan kualiti penjagaan kesihatan seperti penggunaan perkhidmatan rawatan teleprimer untuk masyarakat di kawasan luar bandar.

Berdasarkan cabaran dan peluang ini, pembaharuan sistem penjagaan kesihatan akan dilaksanakan oleh Kerajaan dengan memberi tumpuan kepada empat bidang utama:

- Mentransformasikan sistem penyampaian penjagaan kesihatan;
- Mempertingkat kualiti, keupayaan dan liputan infrastruktur penjagaan kesihatan;
- Peralihan ke arah kesejahteraan dan pencegahan penyakit; dan
- Mempertingkat kualiti modal insan di sektor kesihatan.

Carta 6-10

Sektor kesihatan awam mempunyai bilangan katil dan kemasukan ke wad yang tinggi namun bilangan doktor yang sederhana berbanding sektor swasta



1 Jumlah keseluruhan doktor tidak termasuk doktor pelatih
2 Akaun Kesihatan Kebangsaan

SUMBER: Kementerian Kesihatan Malaysia

Mentransformasikan Sistem Penyampaian Penjagaan Kesihatan

Transformasi sistem penyampaian penjagaan kesihatan memerlukan penstrukturkan semula sistem kesihatan kebangsaan yang melibatkan sektor awam dengan swasta dalam meningkatkan liputan untuk semua. Ini bagi memastikan penggunaan sumber terhad secara optimum dan mewujudkan satu sistem yang responsif serta menyediakan pilihan penjagaan berkualiti berlandaskan prinsip ekuiti.

Pendekatan ini memerlukan kerjasama yang lebih baik di antara sistem penjagaan kesihatan awam dengan swasta bagi membolehkan sistem penyampaian berkesan, lebih cekap dan dengan kos yang mampu dibayar. Antara inisiatif utama dalam tempoh Rancangan ialah:

- **Memperkemas peranan pengawalseliaan dan penyediaan perkhidmatan.**

Pengasingan fungsi pengawalseliaan dan penyediaan perkhidmatan yang lebih jelas yang mana Kementerian Kesihatan akan memberi tumpuan terutamanya ke atas

tadbir urus, pengawasan industri penjagaan kesihatan dan penguatkuasaan perundangan. Ini termasuk menguatkuasa langkah untuk meningkatkan kualiti penjagaan dalam kedua-dua sektor awam dan swasta serta memastikan keselamatan pesakit;

- **Menyemak perundangan dan peraturan.**

Kajian semula perundangan sedia ada dan pengenalan peraturan baru yang menekankan penguatkuasaan akreditasi, pentaulahan dan pemberian hak praktis; dan

- **Mengkaji pilihan pembiayaan.** Mengkaji kaedah pembiayaan yang mengambil kira peningkatan kos supaya penjagaan kesihatan boleh diakses dan mampu dibayar oleh orang ramai. Antara lain termasuk memperkenalkan kaedah perkongsian kos yang membolehkan rakyat Malaysia membuat pilihan dalam memperoleh perkhidmatan kesihatan.

Mempertingkat Kualiti, Keupayaan dan Liputan Infrastruktur Penjagaan Kesihatan

Kerajaan akan terus menaik taraf dan memperluas kemudahan kesihatan di kawasan bandar dan luar bandar. Penyediaan perkhidmatan penjagaan sekunder dan tertiar akan diperkuuh, manakala perkhidmatan penjagaan primer akan diperluas ke kawasan yang kurang mendapat liputan perkhidmatan. Usaha utama dalam tempoh Rancangan termasuk:

- **Memperluas perkhidmatan penjagaan primer.**

Sejumlah 197 klinik baru akan disiapkan dalam tempoh dua tahun pertama Rancangan dengan anggaran kos berjumlah RM637 juta. Ini terdiri daripada 156 klinik di kawasan luar bandar dan 41 klinik kesihatan komuniti. Tambahan 50 Klinik 1Malaysia akan dibina dengan perluasan skop perkhidmatan bagi golongan miskin di bandar dan kawasan lain yang kurang mendapat liputan perkhidmatan;

- **Memperkuuh perkhidmatan penjagaan sekunder dan tertiari.** Dalam tempoh dua tahun pertama Rancangan, empat hospital baru dan empat hospital gantian dengan anggaran kos berjumlah RM600 juta akan disiapkan. Ini termasuk institusi perubatan khas iaitu Institut Kanser Nasional dan Pusat Rehabilitasi Cheras;
- **Memperkemas penyampaian perkhidmatan.** Pemetaan penyedia penjagaan kesihatan sedia ada dengan membuat perbandingan kawasan yang kurang mendapat liputan perkhidmatan akan dilaksana bagi mengenal pasti jurang atau peluang untuk menyelesaikan penyampaian perkhidmatan. Pembangunan pangkalan data mengenai kakitangan dan keperluan latihan mereka akan memudahkan perancangan rangkaian kemudahan bagi mencapai sistem penjagaan kesihatan komprehensif; dan
- **Mempertingkat penyediaan perkhidmatan penjagaan kesihatan.** Klinik bergerak, perkhidmatan doktor udara dan wakil kesihatan kampung akan diperluas untuk memenuhi keperluan masyarakat di kawasan terpencil yang sukar diakses. Penyampaian prahospital dan penjagaan kecemasan akan dipertingkat bagi memastikan respon awal yang berkesan. Perkhidmatan penjagaan ambulatori akan diperluas dan dipertingkat bagi mengurangkan kos dan tempoh kemasukan ke hospital.





Peralihan ke Arah Kesejahteraan dan Pencegahan Penyakit

Seiring dengan peningkatan pendapatan dan perubahan tingkah laku, risiko penyakit tertentu turut meningkat. Gaya hidup yang tidak aktif,

tekanan hidup, pengambilan makanan tidak sihat dan penggunaan alkohol serta tembakau membawa kepada peningkatan insiden kronik seperti diabetes, hipertensi dan penyakit kardiovaskular. Keadaan ini membawa kesan besar ke atas kos penjagaan kesihatan akibat keperluan rawatan yang secara relatifnya lebih mahal dan memerlukan penjagaan pemulihan

yang mengambil masa yang panjang. Bagi tempoh 1996 hingga 2006, Malaysia telah menunjukkan peningkatan mendadak dalam kejadian penyakit berkaitan tingkah laku seperti peningkatan 43% untuk hipertensi, 88% diabetes dan 250% dalam obesiti seperti di *Carta 6-11*.

Inisiatif penting bagi mengurangkan permintaan untuk menjagaan kesihatan adalah dengan mempromosi gaya hidup sihat. Penting bagi individu dan komuniti memainkan peranan dalam menjaga kesihatan, sementara Kerajaan menyediakan persekitaran yang menggalak


kesejahteraan dan kehidupan sihat. Usaha agresif akan diambil untuk meningkatkan kesedaran dan amalan gaya hidup sihat oleh individu dan komuniti termasuk:

- **Memperluas Kempen Gaya Hidup Sihat.**

Kempen yang menekankan pemakanan sihat, aktiviti fizikal, anti-merokok dan kesihatan mental akan disasarkan khusus kepada kanak-kanak sekolah, remaja, wanita dan warga emas untuk memastikan pencapaian yang lebih baik; dan

Carta 6-11

Perubahan gaya hidup menyumbang kepada peningkatan kejadian penyakit kronik



SUMBER: Laporan NHMS III, Kementerian Kesihatan Malaysia

- **Menggalakkan gaya hidup sihat dan aktif.**

Pelbagai aktiviti sukan dan rekreasi akan digalakkan bagi menarik orang ramai mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif. Kemudahan sukan dan rekreasi sedia ada akan dinaik taraf dan sektor swasta digalakkan untuk membina kemudahan baru di lokasi yang mudah diakses. Bagi memupuk budaya hidup aktif di kalangan kanak-kanak, penyertaan sekurang-kurangnya dalam satu aktiviti sukan akan diwajibkan kepada setiap pelajar bermula tahun 2011.

Mempertingkat Kualiti Modal Insan di Sektor Kesihatan

Pelaburan dalam modal insan bagi sektor kesihatan kekal sebagai komponen utama sistem penjagaan kesihatan. Dalam tempoh Rancangan, nisbah doktor-penduduk akan diperingkat daripada 1:1,380 pada tahun 2005 kepada 1:597 pada tahun 2015, sementara nisbah jururawat-penduduk juga dijangka akan meningkat daripada 1:592 kepada 1:200 bagi tempoh yang sama seperti di Carta 6-12. Bagi memenuhi permintaan latihan yang semakin meningkat, Kerajaan akan mengambil tenaga pakar sektor swasta untuk

memberi latihan. Ini memandangkan 60% tenaga pakar tempatan berkhidmat di sektor swasta. Di samping itu, Kerajaan akan terus melaksanakan penyumberan luar dan bekerjasama dengan institusi latihan swasta untuk melatih anggota kesihatan bersekutu.


Usaha lain untuk memenuhi permintaan penjagaan kesihatan berkualiti akan tertumpu kepada usaha berikut:

- Meningkatkan peruntukan latihan pakar untuk doktor dan profesional-profesional penjagaan kesihatan lain;
- Mempertingkat dan memperluas latihan lanjutan untuk jururawat dan anggota kesihatan bersekutu;
- Mengkalkan personel melalui pemberian ganjaran yang lebih baik, peluang kenaikan pangkat dan langkah untuk meningkatkan kepuasan kerja; dan
- Mempertingkat kualiti profesional penjagaan kesihatan swasta menerusi pentaulahan, pemberian hak praktis dan latihan berstruktur.

Carta 6-12

Dalam tempoh Rancangan, akan terdapat peningkatan yang signifikan dalam keupayaan modal insan di sektor kesihatan

Nisbah profesional penjagaan kesihatan kepada penduduk



¹ Sektor awam sahaja

SUMBER: Kementerian Kesihatan Malaysia

MEMASTIKAN AKSES KEPADA PERUMAHAN BERKUALITI DAN MAMPU MILIK

Salah satu daripada objektif pembangunan negara adalah menyediakan perumahan yang mampu milik kepada rakyat Malaysia di kawasan bandar dan luar bandar, dengan tumpuan kepada golongan berpendapatan rendah. Malaysia telah mengorak langkah berkesan menerusi penyediaan perumahan mampu milik yang memainkan peranan penting dalam menyokong kejayaan usaha pembasmian kemiskinan. Dari tahun 1990 hingga tahun 2009, sejumlah 808,000 unit rumah kos rendah mampu milik telah dibina untuk menampung keperluan rakyat Malaysia. Sebanyak 128,000 unit daripadanya dibina dalam

tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan seperti di Carta 6-13.

Pada masa kini, kekurangan stok perumahan bukan isu utama perumahan negara berbanding dengan isu penyediaan perumahan mampu milik yang mencukupi bagi pelbagai segmen masyarakat serta memastikan rumah dan persekitarannya selamat, sihat dan selesa selaras dengan status sosioekonomi negara.

Carta 6-13



Cabarannya utama sektor ini adalah:

- **Memadankan penawaran dan permintaan terhadap perumahan mampu milik.** Pada tahun 2009, seramai 13,500 individu dan keluarga telah memohon perumahan awam, manakala satu tinjauan di peringkat negeri menunjukkan terdapat 97,260 keluarga setinggan yang masih belum dipindahkan ke perumahan kekal. Sebanyak 11,800 unit telah siap dibina dan tambahan sebanyak 161,000 unit akan dibina bagi memenuhi keperluan perumahan dalam tempoh Rancangan. Cabaran kini adalah untuk memadankan permintaan dengan penawaran perumahan berdasarkan lokasi dan kemampuan;
- **Meningkatkan kualiti perumahan mampu milik yang baru dan sedia ada.** Kawalan kualiti yang lemah di peringkat pembinaan dan penyenggaraan lemah menyumbang kepada penurunan kualiti rumah; dan

- **Memenuhi keperluan reka bentuk yang mesra alam.** Selaras dengan agenda negara dalam mempromosi pembangunan mampan, reka bentuk perumahan perlu mengambil kira elemen dan teknologi Bangunan Hijau.

Kerajaan akan memberi tumpuan kepada tiga strategi untuk menghadapi cabaran ini:

- Memperkemas sistem pengagihan perumahan mampu milik;
- Memperkuatkan usaha menyediakan perumahan berkualiti tinggi dan persekitaran mampan; dan
- Memupuk industri perumahan yang sihat dan mampan.



Memperkemas Sistem Pengagihan Perumahan Mampu Milik

Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan Persekutuan akan membina sebanyak 78,000 unit baru perumahan awam yang mampu milik di seluruh negara. Perumahan awam kos rendah akan disedia kepada individu dan keluarga yang layak dengan pendapatan isi rumah kurang daripada RM2,500 sebulan, bergantung kepada jenis rumah yang disediakan. Ini selaras dengan agenda Kerajaan untuk membantu meningkatkan pendapatan isi rumah 40% terendah. Lazimnya, Kerajaan menanggung subsidi sebanyak 30% hingga 75% daripada jumlah kos pembinaan perumahan awam. Di bawah skim perumahan awam di bandar yang disedia oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN), rumah berkeluasan 700 kaki persegi dijual dengan harga RM42,000 kepada keluarga dan individu berkelayakan.

Bagi meningkatkan kecekapan penyediaan perumahan, Kerajaan akan menyusun semula dan memperkemas peranan agensi persekutuan yang terlibat dalam perumahan awam. Pada masa kini, perumahan awam dipertanggungjawab kepada beberapa kementerian dan agensi seperti JPN, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan

Wilayah, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU) dan Syarikat Perumahan Negara Berhad. Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan menyusun semula penyediaan perumahan awam dengan mempertanggungjawabkan ke atas satu agensi persekutuan untuk menyediakan perumahan yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Sektor swasta juga dijangka memainkan peranan yang lebih besar dalam penyediaan perumahan.

Bagi menangani isu penyenggaraan rumah yang lemah, Kerajaan akan mewujudkan Tabung Penyenggaraan Perumahan dengan dana permulaan berjumlah RM500 juta untuk membantu penghuni perumahan kos rendah awam dan swasta. Dana tersebut akan digunakan untuk kerja pembaikan besar dan penyenggaraan seperti penggantian lif dan tangki air. Dana tersebut berasaskan kepada geran sepadan yang separuh daripadanya perlu disumbang oleh penghuni rumah melalui badan pengurusan bersama atau pengurusan perbadanan. Dana berkenaan merupakan tambahan kepada Tabung Perumahan 1Malaysia yang diwujudkan melalui sumbangan daripada Kerajaan dan beberapa perbadanan swasta pada Februari 2010, yang menyediakan bantuan bagi kerja penyenggaraan dan pembaikan utama rumah kos rendah swasta di Kuala Lumpur.

Memperkuat Usaha Menyediakan Perumahan Berkualiti Tinggi dan Persekutuan Mampan

Dalam tempoh Rancangan, perundangan sedia ada termasuk Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 akan dikaji semula untuk menambah spesifikasi minimum bagi memastikan kualiti dalam penyediaan perumahan mampu milik. Kerajaan melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan akan menggalak pemaju perumahan mendapat akreditasi terutamanya dalam penggunaan buruh mahir dan berkelayakan serta menambah baik proses pembinaan.

Perbandaran dan kejiranan yang mesra alam akan dipupuk melalui pengenalan Garis Panduan

Hijau dan Sistem Penggredan Hijau. Putrajaya dan Cyberjaya akan menjadi mercu tanda Perbandaran Hijau. Kerajaan juga akan mengkaji pemberian insentif cukai seperti pengurangan cukai bagi bangunan dan reka bentuk yang mesra alam yang menggabungkan elemen reka bentuk hijau, contohnya panel suria untuk pemanasan, kemudahan sistem penuaian air hujan dan ciri pemuliharaan air. Penekanan juga akan diberi untuk mewujudkan ruang awam di dalam projek perumahan yang lengkap berlandscape dengan kemudahan asas seperti taman riadah dan permainan untuk meningkatkan interaksi dan integrasi antara komuniti setempat.

Memupuk Industri Perumahan yang Sihat dan Mampu

Dasar Perumahan Negara menggariskan strategi Kerajaan untuk mempromosi industri perumahan yang sihat dan melindungi kepentingan awam. Antara usaha utama yang akan diambil termasuk:

- **Menggalakkan usaha pembangunan semula bandar melalui mekanisme penjualan en-bloc.** Kerajaan akan melaksana satu mekanisme untuk memudahkan penjualan pembangunan milikan secara bersama. Ini akan dilaksana melalui pindaan undang-undang berkaitan penjualan secara blok bagi membolehkan penjualan tanah dan harta tanah secara bersama dengan persetujuan majoriti atau menerusi mekanisme penjualan en-bloc. Tahap persetujuan majoriti untuk menjual akan ditentukan melalui persetujuan sekurang-kurangnya 80% hingga 90% pemilik. Ini akan mewujudkan insentif pasaran untuk pihak swasta membangun semula harta tanah yang usang di kawasan utama;

- **Memperkuuh pemantauan dan penguatkuasaan.** Peraturan dan keupayaan pemantauan dan penguatkuasaan akan diperkuuh untuk melindungi kepentingan pembeli rumah terutama berkaitan kualiti pembinaan rumah;

- **Menggalak penggunaan pendekatan Bina Kemudian Jual (BKJ).** Pemaju perumahan akan digalak untuk menggunakan pendekatan BKJ melalui penyediaan insentif tambahan seperti mempercepatkan proses kelulusan tanah dan pelan bangunan serta pengecualian pembayaran deposit bagi lesen pemaju perumahan; dan

- **Memulih projek perumahan terbengkalai.** Kerajaan akan terus membantu memulih projek perumahan terbengkalai. Sehingga 30 April 2010, terdapat 107 projek terbengkalai dengan 38,600 unit rumah melibatkan 25,300 pembeli.

MENYEDIA UTILITI DAN PERKHIDMATAN AWAM YANG LEBIH CEKAP

Penyediaan utiliti awam dari segi kualiti perkhidmatan dan liputan akan dipertingkat. Tumpuan penambahbaikan adalah kepada penyediaan perkhidmatan dan kemudahan awam yang lebih cekap dan mampan dari perspektif pemeliharaan alam sekitar dan operasi. Dalam tempoh Rancangan, penekanan akan diberikan kepada:

- Pengurusan sumber dan bekalan air;
- Memastikan bekalan elektrik yang andal;
- Meningkatkan penembusan jalur lebar secara signifikan; dan
- Penstrukturkan semula pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Pengurusan Sumber dan Bekalan Air

Malaysia dianugerah bekalan air yang banyak dengan sumber air per kapita berjumlah 21,536 meter padu setahun. Walau bagaimanapun, dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat, Malaysia perlu lebih berhemat dan lebih cekap dalam mengurus sumber dan bekalan airnya. Permintaan tertinggi adalah daripada sektor pertanian. Sebagai contoh, di Semenanjung Malaysia, unjuran permintaan untuk pengairan

pada tahun 2010 adalah 54% daripada jumlah keseluruhan permintaan air sebanyak 33,100 juta meter padu. Dalam tempoh Rancangan, penggunaan air tidak termasuk sektor pertanian, dijangka meningkat daripada 8,550 juta liter sehari (jlh) pada tahun 2009 kepada 10,520 jlh menjelang tahun 2015.

Malaysia akan menilai semula kaedah pengurusan sumber air bermula daripada punca air diperoleh, perawatan dan pembekalan air kepada pengguna serta pelepasan air buangan ke persekitaran. Dalam tempoh Rancangan, strategi yang akan dilaksana bagi menjamin kemampunan bekalan air tertumpu kepada tiga bidang utama:



- Membangun strategi jangka panjang bagi pengurusan sumber air untuk memastikan bekalan air yang terjamin;
- Usaha berterusan penstrukturran semula industri perkhidmatan air; dan
- Melindungi sungai daripada pencemaran.

Membangun Strategi Jangka Panjang bagi Pengurusan Sumber Air untuk Memastikan Bekalan Air yang Terjamin

Sejajar dengan pembangunan ekonomi yang pesat, isu kemampuan sumber air menjadi semakin penting. Dalam hubungan ini, beberapa negeri telah mengalami masalah kekurangan bekalan air. Cabaran dalam pengurusan sumber air berkait rapat dengan isu memadankan keperluan sumber air di antara kawasan yang mempunyai lebih sumber air dengan kawasan berkepadatan penduduk dan aktiviti ekonomi yang tinggi, justeru permintaan air yang meningkat.

Dalam tempoh Rancangan, Dasar Sumber Air Negara (DSAN) akan menentukan hala tuju masa hadapan bagi sektor tersebut. Dengan mengambil kira profil permintaan-penawaran jangka panjang untuk Malaysia, dasar ini akan

menggaris langkah untuk memastikan pengurusan yang lebih cekap dan berkesan bagi sumber yang semakin berkurangan. Usaha ini termasuk memperkemas dasar dan perundangan bagi membolehkan sumber air diagih secara lebih cekap dan saksama. DSAN merupakan usaha penting ke arah merintis proses bagi memastikan bekalan air yang terjamin dalam era pembangunan ekonomi, pertumbuhan perbandaran serta pertambahan penduduk yang pesat, yang memberi kesan besar kepada negara dalam pengurusan sumber air pada masa hadapan.

Langkah lain yang akan dilaksana dalam tempoh Rancangan termasuk peluasan pelaksanaan kaedah Pengurusan Sumber Air Bersepadu dan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu dalam perancangan, pengurusan, perlindungan serta pemuliharaan sumber air. Dalam hal ini, sebanyak RM5 bilion akan disediakan untuk program tebatan banjir. Ini termasuk penggunaan pendekatan Pengurusan Banjir Bersepadu bagi mengurus risiko kerosakan akibat banjir melalui sistem ramalan dan amaran, pembangunan program kesiagaan menghadapi bencana dan kesedaran masyarakat serta peta bencana banjir. Di samping itu, usaha penyelidikan dan pembangunan dalam pemuliharaan sumber air akan dipergiat bagi menyokong usaha membangun sektor air yang mampan untuk keperluan ekonomi negara.

Usaha Berterusan Penstruktur Semula Industri Perkhidmatan Air

Penstruktur semula industri perkhidmatan air yang meliputi perkhidmatan bekalan air dan pembetungan telah bermula semenjak tempoh Rancangan Malaysia Kelapan dengan objektif untuk menjadikannya industri yang lebih cekap dan mampan. Dalam tempoh Rancangan, usaha penstruktur semula akan memasuki fasa akhir pelaksanaannya sebagaimana di Carta 6-14, dengan menumpukan kepada perkara berikut:

- **Melengkapkan proses perpindahan operator air negeri.** Pada masa ini, operator air di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan telah berpindah sepenuhnya ke regim pelesenan yang baru. Perpindahan sepenuhnya operator bagi negeri lain akan selesai dalam tempoh awal Rancangan. Setelah berpindah, semua operator air dikehendaki mematuhi peruntukan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air, 2006 dan akan dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN);
- **Melangkah ke arah pemerolehan semula kos sepenuhnya.** Pada masa ini tarif yang diguna pakai hanya berupaya membayai 78% daripada perbelanjaan operasi tahun 2009. Bagi menangani masalah ini, Kerajaan akan melaksana mekanisme pembentukan tarif

secara berfasa yang membolehkan pencapaian pemerolehan semula kos sepenuhnya untuk menggalakkan pelaburan yang berterusan dalam menaik taraf dan membaik pulih loji rawatan dan sistem agihan air. Kenaikan tarif secara berperingkat akan diasing berdasarkan tahap penggunaan untuk memastikan golongan yang mudah terjejas dilindungi;

- **Memacu ke arah kecekapan operasi dan peningkatan modal.** Operator air adalah dikehendaki menyedia secara terperinci rancangan perniagaan 30 tahun dan 3 tahun rancangan operasi. Kedua-dua rancangan tersebut membolehkan operator air merangka hala tuju ke arah pemerolehan semula kos sepenuhnya manakala Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) merancang sumber pembiayaan modal jangka panjang. SPAN akan mengawal selia dan memantau prestasi operator air berdasarkan pelan rancangan yang dikemukakan dan peningkatan pencapaian kecekapan dalam operasi serta perbelanjaan modal sejajar dengan peningkatan tarif;
- **Menambah baik infrastruktur perkhidmatan air.** Liputan bekalan air negara kepada penduduk akan bertambah daripada 93% pada tahun 2009 kepada 97% pada tahun 2015. Perkhidmatan pembetungan yang disediakan kepada isi rumah melalui

penyambungan grid dan tangki septik akan diperluas daripada 28.8 juta penduduk setara kepada 37.7 juta penduduk setara dalam tempoh yang sama. Program mengurangkan kadar air tidak terhasil (NRW), yang meliputi penggantian paip dan meter lama akan diperluas untuk meningkatkan kualiti air dan mengurangkan kehilangan bekalan air. Bagi tujuan ini, dianggarkan RM1.1 bilion akan diperuntukkan kepada program NRW negeri berdasarkan kadar NRW negeri tersebut. Daripada jumlah ini, dianggarkan sebanyak RM369 juta akan diperuntuk dalam dua tahun pertama Rancangan; dan

- **Integrasi perkhidmatan bekalan air dan pembetungan.** Penstruktur semula perkhidmatan pembetungan akan dilaksana dengan mengagihkan operasi rawatan pembetungan berpusat kepada syarikat operasi air negeri. Setelah dimuktamadkan, industri air akan menuju ke arah pelaksanaan tarif secara bersepodu untuk perkhidmatan bekalan air dan pembetungan. Langkah ini akan mengintegrasikan caj perkhidmatan pembetungan dengan penggunaan air memandangkan kadar tarif rata semasa yang dicajkan tidak mencukupi untuk menampung

Carta 6-14

Penstruktur industri perkhidmatan air ke arah mempertingkat kecekapan operasi dan pengurusan



SUMBER: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

kos perkhidmatan yang disediakan. Lazimnya jumlah air yang diguna berkait rapat dengan kumbahan yang dikeluarkan.

Melindungi Sungai daripada Pencemaran


Lebih 90% bekalan air di Malaysia berpunca daripada sungai. Justeru, usaha menangani pencemaran sungai akan terus diberi penekanan. Pada tahun 2009, sebanyak 70 daripada 143

lembangan sungai yang dipantau diklasifikasi sebagai bersih, berbanding dengan 80 pada tahun 2005 seperti di *Carta 6-15*. Dalam tempoh yang sama, bilangan lembangan sungai yang tercemar telah meningkat daripada 51 kepada 64 disebabkan oleh dua faktor iaitu peningkatan punca pencemaran dan pengurangan hujan.

Antara punca utama pencemaran ialah pelepasan daripada loji rawatan kumbahan, industri berasaskan pertanian, penternakan, kerja pembersihan kawasan dan kumbahan domestik.

Carta 6-15

Dalam tempoh Rancangan, usaha menangani pencemaran lembangan sungai akan diberi tumpuan



SUMBER: Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Dalam tempoh Rancangan, langkah untuk meningkatkan kawalan pencemaran ke atas punca tersebut akan dilaksanakan melalui:

- Memperkuuh penguatkuasaan terhadap pelepasan efluen industri dan kumbahan selaras dengan pindaan Peraturan-Peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974;
- Menilai *Total Maximum Daily Load* dan daya tampungan sungai bagi menentukan kadar pelepasan beban yang dibenarkan bagi setiap punca pencemaran iaitu *point* dan *non-point*;
- Mengkaji semula Indeks Kualiti Air sedia ada untuk mengambil kira parameter tambahan termasuk parameter biologi bagi klasifikasi sungai yang lebih tepat;
- Membangun Indeks Kualiti Air Marin Negara untuk menggantikan Standard dan Kriteria Kualiti Air Marin yang dibangunkan pada 2008; dan
- Memperluas program kesedaran awam dan penglibatan masyarakat yang mensasarkan pelbagai lapisan seperti Anugerah Langkawi, Rakan Alam Sekitar, Minggu Alam Sekitar Malaysia, Penggalakan Pengeluaran Bersih kepada Industri dan Debat Alam Sekitar di kalangan institusi pengajian tinggi.

Memastikan Bekalan Elektrik yang Andal

Malaysia pada masa kini mendapat manfaat daripada sistem bekalan elektrik yang kukuh dan stabil. Usaha bagi memastikan jaminan bekalan elektrik yang berterusan akan ditumpukan kepada beberapa bidang utama. Ini termasuk mewujudkan industri bekalan elektrik yang mampan dalam suasana harga tenaga global yang tidak menentu dan pengeluaran gas yang semakin berkurangan, terutamanya di Semenanjung Malaysia. Di samping itu, produktiviti dan kecekapan syarikat utiliti akan juga ditingkatkan. Dalam tempoh Rancangan, Dasar Baru Tenaga akan memacu perubahan besar dalam sektor elektrik melalui:

- Meningkat dan mempelbagaikan keupayaan penjanaan;
- Memperkuuh rangkaian penghantaran dan pengagihan;
- Menstruktur semula industri bekalan elektrik; dan
- Menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Meningkat dan Mempelbagaikan Keupayaan Penjanaan

Pembangunan sumber tenaga alternatif terutamanya hidro dan pengimportan arang batu dan gas asli cecair (LNG) menjelang tahun 2015 akan meningkatkan jaminan bekalan tenaga. Bagi mengurangkan lagi pelepasan karbon dioksida, penggunaan teknologi arang batu yang mesra alam akan diteroka bagi pembangunan loji janakuasa baru. Pembangunan tenaga nuklear sebagai salah satu pilihan jangka panjang bagi penjanaan elektrik di Semenanjung akan dipertimbang untuk memastikan bekalan yang andal dan kos efektif. Memandangkan kepada skala dan skop inisiatif ini, kajian kemungkinan yang terperinci akan dilaksanakan di samping keperluan latihan modal insan dan kempen kesedaran untuk meningkatkan pemahaman masyarakat dan penerimaan masyarakat ke atas tenaga nuklear.

Inisiatif khusus untuk meningkatkan keupayaan penjanaan meliputi:

- **Di Semenanjung Malaysia.** Dua loji janakuasa hidro iaitu Ulu Jelai dan Hulu Terengganu dengan jumlah keupayaan 622 MW akan mula beroperasi dalam tempoh Rancangan;

- **Di Sabah.** Tiga loji janakuasa baru dengan jumlah keupayaan 700 MW akan memulakan operasi. Ini termasuk dua loji janakuasa berasaskan gas di pantai barat dan sebuah loji janakuasa berasaskan arang batu yang mesra alam di pantai timur; dan
- **Di Sarawak.** Projek Hidroelektrik Bakun berkeupayaan 2400 MW akan memulakan operasi secara berperingkat.

Memperkuuh Rangkaian Penghantaran dan Pengagihan

Sistem penghantaran dan rangkaian pengagihan elektrik akan diperkuuh dan diperluas. Projek penghantaran baru yang akan dilaksana termasuk talian penghantaran dari Bentong Selatan ke Kampung Pandan melalui Ampang



Timur di Semenanjung Malaysia, talian dari Projek Hidroelektrik Bakun ke Samalaju di Sarawak dan beberapa projek penghantaran lain di Sabah. Menjelang akhir tahun 2015, Indeks Tempoh Gangguan Purata Sistem (SAIDI), pengukuran bagi keandalan pembekalan, di Semenanjung Malaysia dijangka bertambah baik daripada 68 minit/pelanggan/tahun kepada 50. Potensi pelaksanaan grid pintar akan dikaji bagi meminimumkan kehilangan sistem, mengurangkan kos dan meningkatkan keandalan sistem pembekalan elektrik.

Penstrukturkan Semula Industri Bekalan Elektrik

Selaras dengan Dasar Baru Tenaga dan strategi penstrukturkan semula subsidi, harga gas bagi sektor elektrik dan bukan elektrik akan disemak semula setiap enam bulan untuk mencerminkan harga pasaran. Nilai subsidi akan diperincikan dalam bil tenaga pengguna dan seterusnya akan diasingkan daripada penggunaan tenaga. Beberapa jenis bantuan yang berbeza akan disediakan kepada isi rumah berpendapatan rendah yang perlu dibantu dan memerlukan jaringan keselamatan sosial. Di samping itu, disiplin pasaran yang meluas akan diterap melalui langkah seperti pengasingan

akaun bagi aktiviti penjanaan, penghantaran dan pengagihan elektrik, memperkenal pengawalseliaan berasaskan prestasi dan rundingan semula perjanjian pembelian tenaga.

Menambah Baik Penyampaian Perkhidmatan kepada Pelanggan

Penyampaian perkhidmatan oleh syarikat utiliti kepada pelanggan baru dan sedia ada akan dipertingkat menerusi penggunaan teknologi baru serta pengawalseliaan berasaskan prestasi. Langkah ini termasuk tempoh yang lebih singkat bagi penyediaan bekalan kepada pelanggan baru dan pemulihran gangguan bekalan.



Meningkatkan Penembusan Jalur Lebar Secara Signifikan

Jalur lebar merupakan pemboleh ekonomi utama dan berpotensi untuk merevolusi cara rakyat Malaysia hidup, bekerja dan berhibur, pada masa yang sama memberikan manfaat ekonomi yang nyata melalui peningkatan produktiviti. Untuk mengambil kesempatan di atas peluang ini, Kerajaan telah menetapkan sasaran peningkatan penembusan jalur lebar isi rumah kepada 75% menjelang akhir tahun 2015. Ini boleh dicapai melalui dua inisiatif utama iaitu Jalur Lebar BerkelaJuan Tinggi (HSBB) dan Jalur Lebar untuk Orang Awam (BBGP). Inisiatif HSBB akan meliputi sekitar 1.3 juta premis menjelang 2012 di kawasan ‘Zon 1’ yang berkepadatan dan mempunyai impak ekonomi yang tinggi (ibu negeri, kawasan bandar besar dan zon industri). HSBB akan menawarkan kelajuan sehingga 100 Megabyte per second (Mbps) melalui teknologi gentian optik ke rumah (*Fibre-to-the-Home* [FTTH]). HSBB akan diperlengkap dengan BBGP yang merangkumi ‘Zon 2 dan 3’ (sub-bandar dan kawasan luar bandar) dan menawarkan kelajuan di antara 2 hingga 10Mbps.


Penstrukturkan Semula Pengurusan Sisa Pepejal

Pelupusan dan kutipan sisa pepejal merupakan isu penting dalam kesihatan awam yang menyentuh kehidupan sehari-hari rakyat Malaysia. Begitu juga, penyenggaraan infrastruktur asas seperti saluran air dan tandas awam termasuk kemudahan awam seperti pasar dan kawasan pantai adalah kritikal untuk kehidupan yang selesa. Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan akan memuktamadkan penstrukturkan semula sektor ini dengan mengambil alih pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam serta penguatkuasaan sepenuhnya Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007. Di bawah inisiatif ini, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam akan beralih daripada bidang kuasa pihak berkuasa tempatan kepada Kerajaan Persekutuan. *Outcome* utama usaha ini seperti di *Carta 6-16* dan merangkumi:

- Menyedia bantuan kepada pihak berkuasa tempatan;
- Memberi perkhidmatan sanitari yang menyeluruh; dan
- Memastikan sisa diurus secara mampan.

Carta 6-16

Pengambilalihan fungsi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam untuk menambahbaik *outcome* kepada orang awam dan persekitaran



Menyedia Bantuan kepada Pihak Berkuasa Tempatan

Di bawah struktur semasa, pihak berkuasa tempatan bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Pada masa ini, pihak berkuasa tempatan menyedia antara 40% hingga 45%

tenaga kerja untuk melaksana fungsi ini. Dengan muktamadnya pengambilalihan kuasa oleh Kerajaan Persekutuan, pihak berkuasa tempatan tidak lagi menanggung beban kerja ini dan membolehkan tumpuan diberikan kepada fungsi utama seperti pelesenan, penguatkuasaan undang-undang, perancangan dan pembangunan.

Memberi Perkhidmatan Sanitari yang Menyeluruh

Kerajaan akan menswastakan sepenuhnya kutipan sisa pepejal isi rumah kepada tiga syarikat konsesi. Operasi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam akan dilesenkan kepada operator swasta yang lain. Operator ini akan tertakluk kepada sistem pengurusan prestasi yang ketat dan dihubungkan dengan petunjuk prestasi utama (KPI) seperti pematuhan kepada jadual dan kekerapan kutipan, bilangan aduan dan jalan tercemar akibat tumpahan air larut resap. Bayaran kepada syarikat konsesi akan dikaitkan dengan pencapaian KPI. Rundingan kontrak bersama syarikat konsesi dijangka selesai pada penghujung tahun 2010. Langkah untuk menggalakkan kecekapan termasuk mengoptimum kos pengangkutan dengan memanfaatkan laluan terbaik sedia ada ke tapak pelupusan, jenis kenderaan yang paling sesuai dan jumlah optimum pekerja.

Penambahbaikan kualiti perkhidmatan akan dinikmati oleh isi rumah, pusat perniagaan dan premis bersama di seluruh negara, dengan tahap perkhidmatan dipantau berdasarkan sasaran tertentu. Kekerapan kutipan akan meningkat; contohnya dua kali seminggu bagi isi rumah

dan tujuh kali seminggu bagi pasar basah. Pengenalan kaedah sanitari dengan pengendalian lori sampah moden dan tong sampah berkapasiti 120 liter yang seragam bagi setiap isi rumah dapat mengurangkan masalah air larut resap dan menambah baik tahap kebersihan secara keseluruhan.

Melalui usaha ini, lebih 5,600 premis bersama termasuk pasar basah, taman, medan selera dan kemudahan lain akan disediakan dengan perkhidmatan pembersihan yang kerap dan andal. Ini akan mewujudkan persekitaran yang kondusif dan menarik bagi membolehkan orang ramai berkumpul di samping menjalani aktiviti sehari-an.





Memastikan Sisa Diurus Secara Mampan

Kerajaan akan menutup selamat dan memulihkan 112 tapak pelupusan tidak sanitari sedia ada di seluruh negara dan menaik taraf sebahagian daripadanya kepada tapak pelupusan sanitari. Di samping itu, stesen pemindahan, kemudahan pemerolehan semula bahan secara bersepudu, tapak pelupusan sanitari dan kemudahan pelupusan dan rawatan lain akan dibina. Selain daripada sisa pepejal isi rumah, kutipan berasingan akan dijalankan bagi memungut buangan bersaiz besar, buangan dari laman perumahan dan buangan yang boleh dikitar semula untuk memudahkan pengitaran dan pemerolehan semula bahan daripada sisa.

Kerajaan akan mempertimbangkan opsyen untuk mewajibkan pemilik kediaman mengasingkan sisa di punca untuk memudahkan pengitaran semula. Kerajaan akan memerlukan komitmen pihak swasta khususnya pengilang untuk meningkatkan pengurusan sisa pepejal terutamanya program pengurangan, penggunaan semula dan pengitaran semula (3R). Skim bayaran balik deposit dan sistem terima balik akan dilaksana sebagai sebahagian daripada usaha tersebut. Sistem ini membolehkan pengguna untuk menerima semula wang deposit setelah barang yang boleh dikitar semula dikembalikan manakala pengeluar dan pembekal perlu menerima kembali barang tertentu selepas digunakan.

MENJADIKAN JALAN DAN MASYARAKAT LEBIH SELAMAT


Jenayah dan perasaan takut terhadap jenayah membawa kesan yang besar ke atas kualiti hidup. Pada keseluruhan, jenayah indeks kebelakangan ini telah meningkat seperti di Carta 6-17. Rakyat Malaysia dan masyarakat peniaga telah mengenal pasti usaha memerangi jenayah sebagai satu keutamaan yang perlu ditangani. Pada tahun 2007, sebanyak 17% responden daripada syarikat dalam sektor pembuatan menyatakan bahawa jenayah, kecurian dan ketidakteraman merupakan halangan besar kepada pelaburan berbanding 11% pada tahun

2002. Dalam tempoh yang sama, responden sektor perkhidmatan yang memberi pandangan yang sama meningkat daripada 8% kepada 17%.

Menyedari bahawa jenayah memberi kesan kepada rakyat dan ekonomi, Kerajaan telah menetapkan usaha Pengurangan Jenayah sebagai salah satu daripada enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) seperti di Kotak 6-3. Memandangkan keupayaan pihak polis adalah terhad, satu pendekatan baru akan

Carta 6-17

Keseluruhan jenayah indeks dalam tahun kebelakangan ini



xx Jenayah indeks bagi setiap 100,000 penduduk

Jenayah indeks merujuk kepada 14 jenis jenayah yang sering berlaku. Indeks ini terbahagi kepada dua kategori iaitu jenayah harta benda dan jenayah kekerasan. Jenayah harta benda merupakan 82% daripada semua jenayah indeks yang dilaporkan.

¹ Unjuran perangkaan 2009 adalah berdasarkan data Jan - Okt 2009

SUMBER: Polis DiRaja Malaysia (PDRM)

Kotak 6-3

NKRA Jenayah berlandaskan usaha untuk mengurangkan jenayah melalui tumpuan ke arah mencapai tiga *outcome*:

- Mengurangkan keseluruhan jenayah indeks yang dilapor dengan tumpuan kepada jenayah jalanan;
- Mempertingkat persepsi awam terhadap keselamatan khususnya melalui penyertaan awam dan aktiviti kesukarelawanan; dan
- Mempertingkat prestasi keseluruhan sistem keadilan jenayah bagi membina keyakinan awam serta memperkuuh kebanggaan profesionalisme ke seluruh sistem

Pengurangan Jenayah ialah salah satu daripada 6 Bidang Keberhasilan Utama Negara



dilaksana dalam sistem keadilan jenayah yang menekankan penglibatan semua pihak meliputi agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri, sektor swasta dan warganegara melalui program memupuk semangat kesukarelawanan. Bagi tujuan ini, sejumlah RM2.04 bilion akan di peruntukkan.

Lima petunjuk prestasi utama negara berkaitan jenayah telah dikenal pasti sebagai sebahagian daripada Program Transformasi Kerajaan (GTP):

- Mengurang keseluruhan jenayah indeks sekurang-kurangnya 5% pada tahun 2010;
- Mengurang jenayah jalanan sekurang-kurangnya 20% menjelang Disember 2010;

- Meningkatkan rasa selamat;
- Membawa 2,000 kes tambahan jenayah kekerasan ke muka pengadilan; dan
- Meningkatkan tahap kepuasan terhadap perkhidmatan polis.

Sejak pelancaran GTP, beberapa kemajuan yang signifikan telah dicapai:

- Jenayah jalanan berkurangan sebanyak 39.6% bagi suku pertama tahun 2010 berbanding tempoh yang sama tahun 2009; dan
- Keseluruhan jenayah indeks berkurangan sebanyak 15.1% bagi suku pertama tahun 2010 berbanding tempoh yang sama tahun

2009. Ini bersamaan dengan pengurangan sebanyak 7,979 kes jenayah yang dilaporkan.

Kerajaan bertekad untuk mengurangkan keseluruhan jenayah indeks sekurang-kurangnya pada kadar purata 5% setahun bagi tempoh Januari 2010 sehingga Disember 2015. Pencapaian matlamat ini bermakna pengurangan jenayah keseluruhan melebihi 25% menjelang akhir tempoh Rancangan.

Meningkatkan Usaha Memerangi Jenayah

Kehadiran polis akan dipertingkat, khususnya di kawasan sering berlaku jenayah melalui inisiatif kesukarelawanan baru. Sehingga kini, tambahan seramai 3,150 polis sukarela telah digerakkan daripada Ikatan Relawan Rakyat Malaysia serta Jabatan Pertahanan Awam dan bagi matlamat jangka sederhana, bilangannya akan ditambah kepada sekurang-kurangnya 5,000 orang menjelang tahun 2015. Kebajikan anggota polis akan dipertingkat dengan menaik taraf balai polis dan kuarters serta menambah baik prospek kerjaya sebagai motivasi untuk meningkatkan prestasi dan Kerajaan akan mengagihkan sebanyak RM2.4 bilion sepanjang Rancangan untuk tujuan ini.

Penyalahgunaan dadah merupakan penyumbang utama jenayah di Malaysia. Polis DiRaja Malaysia (PDRM) menganggarkan 50% daripada penjenayah rugut yang ditangkap adalah penagih dadah. Pendekatan baru akan diambil termasuk meningkatkan keberkesanan program pemulihan dadah. Langkah ini dijangka memberi kesan ke atas kadar jenayah dan dalam jangka panjang mengurangkan jenayah berulang secara signifikan terutamanya jenayah harta benda.

Mengeratkan Hubungan Antara Polis, Orang Awam dan Sektor Swasta

Aktiviti kesukarelawanan terus digalakkan melalui pelbagai inisiatif antaranya Skim Rondaan Sukarela yang merupakan aktiviti kemasyarakatan di bawah program Rukun Tetangga dengan penyertaan penduduk setempat dalam aktiviti rondaan di kawasan kejiranan. Inisiatif ini akan disediakan peruntukan sebanyak RM120 juta. Melalui skim Rakan Cop, masyarakat boleh mendaftar sebagai ahli melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) dan seterusnya membantu pihak polis dalam melaporkan jenayah atau kelakuan mencurigakan. Skim ini akan diperluas untuk menggalak penyertaan dan meningkatkan kefahaman orang ramai mengenai maklumat yang berguna kepada pihak polis.

Penglibatan pegawai kanan polis dengan masyarakat akan dipertingkatkan dalam usaha pengurangan jenayah. Pegawai kanan polis lengkap berpakaian seragam telah mula membuat rondaan bersama anggota yang bertugas sekurang-kurangnya tiga jam seminggu. Rondaan ini menunjukkan komitmen PDRM kepada masyarakat serta menjadi contoh kepada anggota bawahan.

Mewujudkan Persekutaran yang Lebih Selamat dan Terjamin

Pemasangan 496 kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan sering berlaku jenayah di seluruh negara sedang dilaksana dan akan dihubungkan dengan pusat kawalan PDRM supaya tindakan pantas ke atas sebarang kejadian dapat diambil. Selain itu, potensi untuk menghubungkan rangkaian CCTV sedia ada dalam sistem pengangkutan dengan pusat kawalan PDRM akan dikaji. Sistem pengawasan menyeluruh akan mencegah kejadian jenayah dan membantu polis mengenal pasti serta bertindak dengan segera menangkap penjenayah.

Kerjasama dengan sektor swasta akan terus dipergiat. Langkah ini termasuk memperluas bidang kuasa pengawal keselamatan persendirian untuk mengawas keselamatan kawasan persekitaran dan tidak hanya kawasan bangunan yang ditugaskan.

Program Bandar Selamat (SCP) akan diberi penekanan dalam tempoh Rancangan. SCP akan melibatkan kerjasama bersepadu antara PDRM, pihak berkuasa tempatan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan badan lain yang berkaitan untuk menangani masalah melalui inisiatif setempat. Antara langkah yang akan diambil termasuk memperbaiki lampu jalan, menambah baik kualiti laluan pejalan kaki dan memperkenal penghadang antara laluan pejalan kaki dengan jalan raya. Jawatankuasa SCP setempat akan menentukan tindakan berdasarkan keutamaan dan kedudukan kewangannya. Tindakan ini akan menyediakan persekitaran yang selamat bagi penduduk dan pelawat serta mengurangkan jenayah. Sejumlah RM510 juta akan diperuntukkan bagi program ini. Inisiatif SCP dinyatakan dalam *Carta 6 -18*.

Carta 6-18

Inisiatif yang dicadangkan bagi Jawatankuasa Bandar Selamat



Meningkatkan Ketelusan Ke Atas Prestasi dan Tanggapan Terhadap Prestasi

Prestasi anggota polis akan lebih telus melalui Jadual Liga Balai yang dilancarkan pada Mac 2010. Jadual tersebut akan menunjukkan prestasi setiap balai polis dalam mengurangkan jenayah. Kaedah ini akan menggalakkan pencapaian prestasi 767 balai di seluruh negara dengan mengenal pasti amalan balai polis terbaik untuk dikongsi dan dicontohi oleh balai-balai polis yang lain. Balai polis yang mencapai prestasi terbaik akan diberi penghargaan.

Kaji selidik untuk mengukur tahap kepuasan rakyat terhadap perkhidmatan polis dan keyakinan terhadap keselamatan akan dilaksana dari semasa ke semasa. Hasil kaji selidik akan dihebah bagi menerangkan penilaian rakyat terhadap prestasi perkhidmatan polis dalam menangani jenayah, pengendalian laporan polis dan layanan terhadap mangsa jenayah.




MENGHARGAI KHAZANAH ALAM SEKITAR NEGARA

Dari sungai ke pantai, dari pulau ke tanah tinggi, hingga ke hutan belantara dan udara yang dihirup oleh rakyat Malaysia, ekosistem yang sihat merupakan penentu kepada kesejahteraan fizikal dan ekonomi negara. Pada masa kini, Malaysia menduduki tangga ke-54 daripada 163 negara di bawah Indeks Prestasi Alam Sekitar yang disediakan oleh Universiti Yale dan Universiti Columbia bagi mengukur prestasi alam sekitar sesebuah negara.

Melangkah ke hadapan, agenda negara berkaitan alam sekitar adalah memelihara kepentingan rakyat, prihatin terhadap alam dan pada masa yang sama meraih faedah ekonomi daripada proses tersebut. Untuk mencapai matlamat ini, Kerajaan akan berpandu kepada amalan pengeluaran secara mampan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi tidak menyebabkan kemerosotan alam sekitar. Ini bukan hanya berkaitan dengan usaha memelihara bumi, tetapi juga memanfaatkan peluang melalui pembentukan model perniagaan yang berdaya saing dalam ekonomi serta membentuk nilai yang menyumbang ke arah penyelesaian cabaran sosial, ekonomi dan alam sekitar sejagat.

Sejajar dengan ini, negara telah menggubal pelbagai dasar sebagai agenda dalam perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar seperti di *Jadual 6-2*. Dalam Rancangan ini, tumpuan akan diberikan kepada pelaksanaan pelan dan dasar yang ditunjukkan di bawah.



“Saya membawa kepada anda suara rakyat Malaysia yang tidak waswas bahawa perubahan iklim, dan kesan katalismik daripada perubahan iklim adalah benar.”

“Selain masalah dan kesusahan yang akan kita hadapi sepanjang perjalanan untuk menangani masalah perubahan iklim, **Malaysia bersedia untuk menyumbang ke arah usaha global ini...”**

Y.A.B. Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak,

Persidangan Parti-Parti ke-15 kepada Konvensyen Rangka Kerja PBB mengenai Perubahan Iklim (17 Disember 2009)

Jadual 6-2 Dasar Negara mengenai Pemuliharaan dan Perlindungan Alam Sekitar

Dasar Alam Sekitar Negara (2002)	Dasar Teknologi Hijau Negara (2009)	Dasar Perubahan Iklim Negara (2009)
<ul style="list-style-type: none"> ● Memastikan kemajuan ekonomi, sosial dan kebudayaan sejarah dengan pembangunan mampan alam sekitar ● Strategi tertumpu kepada pengurusan sumber asli dan alam sekitar yang efektif, pencegahan dan kawalan pencemaran, pengukuhan keupayaan institusi, pendidikan dan kesedaran awam serta pembentukan pelan tindakan dan pelaksanaan 	<ul style="list-style-type: none"> ● Memastikan pembangunan yang mampan ● Membangun <i>roadmap</i> sebagai panduan mengenai aplikasi teknologi hijau dalam pelbagai sektor termasuk penjanaan elektrik, pengangkutan dan pembinaan ● Penubuhan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) dengan dana sebanyak RM1.5 bilion untuk menggalakkan pelaburan dalam teknologi hijau, pembinaan dan inovasi 	<ul style="list-style-type: none"> ● Memperkemas dan menyelaras dasar dan perundangan sedia ada ● Membentuk jawatankuasa antara kementerian dan merentas sektor bagi memacu dan memudahkan cara pelaksanaan adaptasi dan langkah mitigasi ● Mengenal pasti opsyen dan strategi untuk mencapai ekonomi rendah-karbon

Sebagai langkah permulaan, Kerajaan telah memperkenal kerangka kerja AFFIRM yang menggariskan pendekatan ke arah membentuk ekosistem yang menyeluruh untuk kemampanan alam sekitar, seperti di *Kotak 6-4*.

Kotak 6-4

Kerangka Kerja AFFIRM

Sebagai kerangka kerja merentas sektor, Perdana Menteri telah memperkenal kerangka kerja AFFIRM iaitu: Kesedaran, Fakulti, Kewangan, Infrastruktur, Penyelidikan dan Pemasaran (Awareness, Faculty, Financial, Infrastructure, Research & Marketing) bagi membangun satu ekosistem yang lengkap untuk kemampanan alam sekitar.

- **Kesedaran:** Meningkatkan tahap kesedaran rakyat Malaysia bahawa usaha memastikan persekitaran yang mampan adalah tanggungjawab bersama. Segenap lapisan masyarakat perlu memainkan peranan untuk melindungi alam sekitar, bukan sahaja pengurusan bagi bahan nyata seperti sisa pepejal dan cecair dari rumah dan industri bahkan juga yang tidak nyata seperti tenaga elektrik. Kerajaan akan bekerjasama dengan sektor swasta dan masyarakat sivil dalam menyampaikan mesej ini kepada seluruh warga Malaysia;
- **Fakulti:** Meningkatkan kapasiti dan keupayaan tempatan dalam bidang berkaitan pengetahuan melalui pengenalan topik hijau dalam kurikulum sekolah dan institusi pengajian tinggi. Kerajaan juga akan memperkenalkan mekanisme pengredan dan pengiktirafan kepada personel yang kompeten dalam teknologi hijau;
- **Kewangan:** Insentif kewangan adalah penting untuk mendorong sektor perniagaan untuk meneroka, menggunakan dan mereka cipta teknologi hijau. Satu skim pembiayaan mudah teknologi hijau sebanyak RM1.5 bilion telah dilancar untuk menyediakan kemudahan pinjaman kepada syarikat yang membekal dan menggunakan teknologi hijau. Kerajaan akan menanggung 2% daripada jumlah kadar faedah dan menjamin sebanyak 60% daripada jumlah pinjaman manakala baki 40% dijamin oleh institusi perbankan. Kerajaan juga akan melaksana insentif cukai seperti pelepasan cukai ke atas bangunan dan reka bentuk yang mesra alam;
- **Infrastruktur:** Kerajaan akan memulakan pembangunan pembandaran hijau di Putrajaya dan Cyberjaya dengan garis panduan dan skala pengukur berdasarkan jejak karbon. Garis panduan ini akan digunakan ke atas pembandaran hijau lain di seluruh negara;
- **Penyelidikan:** Kerajaan melalui pusat penyelidikan tempatan dan sektor industri akan mempertingkat penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan teknologi hijau. Kerajaan juga akan menggalakkan kerjasama dengan institusi luar negara seperti universiti dan syarikat multinasional; dan
- **Pemasaran:** Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) bersama dengan SIRIM akan membangunkan skim pelabelan-eko dan standard kebangsaan untuk menjadikan produk dan perkhidmatan negara setanding dengan standard antarabangsa. Langkah ini akan menyokong inisiatif Kerajaan dalam perolehan hijau dan membantu pengeluar untuk memasarkan produk mereka di luar negara. Peningkatan pelabelan produk dan perkhidmatan yang mesra alam seperti Penarafan Kecekapan Tenaga, Produk Jejak Karbon Rendah dan Indeks Bangunan Hijau akan meningkatkan daya saing negara.

Dalam tempoh Rancangan, usaha akan bertumpu kepada dua bidang utama berikut:

- Membentuk strategi pembangunan kental persekitaran bagi Malaysia; dan
- Mempertingkat pemuliharaan aset ekologi negara.

Membentuk Strategi Pembangunan Kental Persekitaran bagi Malaysia

Perubahan iklim merupakan satu isu global yang juga membawa kesan besar kepada Malaysia. Sebagai contoh, pelepasan karbon dioksida (CO_2) dari pembakaran bahan api dan aktiviti penebangan hutan telah menyumbang kepada pemanasan global dan menyebabkan perubahan dalam sistem iklim. Dalam tempoh Rancangan, Malaysia akan menggunakan dua strategi dalam menangani kesan perubahan iklim: pertama, strategi adaptasi untuk melindungi pembangunan dan pertumbuhan ekonomi daripada kesan perubahan iklim; dan kedua, strategi mitigasi, bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG).

Adaptasi Iklim: Melindungi Negara daripada Risiko Perubahan Iklim

Peningkatan suhu dikaitkan dengan ketidaktentuan pola cuaca, perubahan corak taburan hujan dan zon iklim serta peningkatan aras laut. Berdasarkan faktor iklim dan lokasi, Malaysia merupakan antara negara yang akan mengalami kesan perubahan iklim lebih awal daripada jangkaan seperti banjir pesisir pantai, banjir kawasan pedalaman, penularan penyakit bawaan vektor atau pengurangan hasil pertanian akibat kemarau panjang. Keadaan ini bukan sahaja memudaratkan nyawa dan masyarakat tetapi juga mendatangkan risiko ekonomi yang signifikan.

Kerajaan akan mengkaji nilai risiko ke atas komuniti bagi menambah kefahaman dalam mengimbangi kos-faedah yang terlibat dalam mengelak atau mengurangkan kesan bahaya bencana alam. Dalam tempoh Rancangan, langkah yang akan dilaksana adalah seperti berikut:

- Membentuk satu kerangka kerja yang mantap bagi menilai dan mentaksir risiko serta kesan perubahan iklim ke atas ekonomi dan menyusun keutamaan untuk menangani risiko tersebut;
- Melaksana kerangka kerja dasar yang bersesuaian bagi memastikan pelaburan

infrastruktur masa depan adalah kental iklim; dan

- Meningkat keupayaan dalam ramalan dan pembentukan model perubahan iklim bagi menambah pengetahuan yang khusus kepada Malaysia dan sektor tertentu.


Mitigasi Iklim: Pengurangan Jejak Karbon Malaysia

Berdasarkan kepada *United Nations Development Programme Human Development Report*

2007/2008, Malaysia hanya menyumbang sebanyak 0.7% kepada keseluruhan pelepasan CO₂ dunia. Walau bagaimanapun, dari segi intensiti pelepasan, dikira sebagai nisbah pelepasan GHG kepada KDNK negara, kadar pelepasan Malaysia dalam sektor tenaga adalah lebih tinggi berbanding purata global seperti di Carta 6-19. Pelbagai inisiatif akan diperkenal bagi mengurangkan intensiti pelepasan. Seiring dengan usaha Malaysia menuju ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, intensiti pelepasan dijangka akan menurun.

Carta 6-19

Intensiti pelepasan dalam sektor tenaga di Malaysia pada tahun 2007 adalah lebih tinggi berbanding purata global



Kerajaan telah melancarkan beberapa program yang bertujuan untuk mengurangkan pelepasan GHG. Dalam tempoh Rancangan, usaha ini akan menumpu kepada lima aspek berikut:

- Mewujudkan insentif yang lebih menarik bagi pelaburan dalam pembangunan tenaga boleh diperbaharu (RE);
- Menggalakkan kecekapan tenaga bagi penggunaan secara produktif;
- Menambah baik pengurusan sisa pepejal;
- Memulihara kawasan hutan; dan
- Mengurang pelepasan untuk meningkatkan kualiti udara.

Mewujudkan Insentif yang Lebih Menarik bagi Pelaburan dalam Pembangunan Tenaga Boleh Diperbaharu

Malaysia dianugerah dengan pelbagai sumber RE, seperti biojisim, biogas, hidro-mini dan solar, yang akan dimanfaatkan untuk memastikan pembekalan tenaga yang lebih mampan. Meskipun pelbagai inisiatif telah diambil, penjanaan elektrik daripada sumber RE tidak mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia

Kesembilan. Dalam RMKe-10, beberapa inisiatif baru yang berteraskan kepada Dasar dan Pelan Tindakan Sumber Tenaga Boleh Diperbaharu, akan dilaksana untuk mencapai sasaran penjanaan elektrik daripada sumber RE sebanyak 985 MW menjelang tahun 2015 atau menyumbang 5.5% daripada keseluruhan campuran penjanaan elektrik, seperti di *Carta 6-20*. Antara langkah yang akan diambil adalah:


- **Memperkenalkan mekanisme Feed-in Tariff (FiT)** sebanyak 1% yang akan dimasukkan ke dalam tarif elektrik kepada pengguna untuk menyokong pembangunan RE. Mekanisme ini membolehkan elektrik yang dijana daripada RE dijual pada harga premium yang ditetapkan dan untuk tempoh yang tertentu; dan
- **Penubuhan Dana RE daripada kutipan FiT** yang akan diurus oleh sebuah agensi khusus, Lembaga Pembangunan Tenaga Mampan di bawah KeTTHA untuk menyokong pembangunan RE.

Menggalakkan Kecekapan Tenaga bagi Penggunaan Secara Produktif

Inisiatif kecekapan penggunaan sumber tenaga akan dipergiat untuk memanfaatkan potensi penjimatatan tenaga serta mengurang pelepasan

Carta 6-20

Sumbangan tenaga boleh diperbaharu kepada jumlah penjanaan elektrik negara akan meningkat daripada <1% pada tahun 2009 kepada 5.5% menjelang tahun 2015



karbon dan pergantungan ke atas bahan api fosil. Halangan nyata terhadap kecekapan penggunaan tenaga yang menjadi cabaran ke arah mencapai potensi penjimatatan tersebut akan ditangani. Pelan Induk Kecekapan Tenaga Negara, 2010 akan menyediakan hala tuju pelaksanaan yang

menyeluruh bagi memacu inisiatif kecekapan tenaga di pelbagai sektor dengan sasaran untuk mencapai penjimatatan tenaga secara kumulatif bersamaan 4,000 kilo tan minyak (ktoe) menjelang tahun 2015. Inisiatif bagi memacu kecekapan tenaga seperti di *Jadual 6-3*.

Jadual 6-3 Inisiatif untuk Memacu Usaha Kecekapan Tenaga

Sektor	Inisiatif Utama
Kediaman	<ul style="list-style-type: none"> ● Menamatkan penggunaan lampu pijar secara berfasa menjelang 2014 bagi mengurangkan pelepasan karbon dioksida yang dianggarkan sebanyak 732,000 tan dan penggunaan tenaga sebanyak 1,074 gigawatt setiap tahun ● Meningkatkan pelabelan prestasi tenaga bagi peralatan elektrik daripada empat pada masa ini (pendingin hawa, peti sejuk, televisyen dan kipas) kepada sepuluh peralatan (enam peralatan tambahan – periuk nasi elektrik, cerek elektrik, mesin basuh, ketuhar gelombang, pengering pakaian dan mesin membasuh pinggan). Pelabelan peralatan menyediakan maklumat kepada pengguna untuk membuat keputusan semasa membeli produk yang cekap tenaga
Bandar	<ul style="list-style-type: none"> ● Memperkenal garis panduan untuk bandar hijau dan skel penarafan berdasarkan paras rujukan jejak karbon serta mempromosikan bandar tersebut bermula dengan Putrajaya dan Cyberjaya
Industri	<ul style="list-style-type: none"> ● Peningkatan penggunaan mesin dan peralatan cekap tenaga seperti motor berkecekapan tinggi, pam dan alat kawalan pemacu kelajuan bolehubah ● Memperkenalkan Standard Prestasi Tenaga Minimum bagi peralatan terpilih untuk menyekat pengeluaran, pengimportan dan penjualan peralatan yang tidak cekap tenaga kepada pengguna
Bangunan	<ul style="list-style-type: none"> ● Semakan ke atas Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 bagi memasukkan Piawai Malaysia: Kod Amalan Kecekapan Tenaga dan Tenaga Boleh Diperbaharu bagi Bangunan Bukan Kediaman (MS1525). Langkah ini akan membolehkan penerapan sistem tenaga boleh diperbaharu dan ciri penjimatkan tenaga dalam bangunan ● Penggunaan meluas Indeks Bangunan Hijau (GBI) untuk menanda aras penggunaan tenaga dalam bangunan baru dan sedia ada ● Meningkatkan penggunaan penebat haba di bumbung bagi bangunan khususnya bangunan berhawa dingin untuk menjimatkan tenaga

Menambah Baik Pengurusan Sisa Pepejal

Kerajaan akan meneruskan usaha untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesan pengurusan sisa pepejal yang akan mengurangkan pelepasan GHG. Antara langkah yang akan diambil termasuk membangunkan kemudahan pemerolehan semula bahan dan loji rawatan termal serta pengitaran semula sisa bukan organik. Pengasingan bahan organik daripada sisa boleh dijadikan kompos atau digunakan untuk tujuan lain. Justeru, ini dapat mengurangkan jumlah sisa yang dibuang ke tapak pelupusan dan seterusnya mengurangkan pelepasan metana. Pengurusan secara menyeluruh sisa pepejal melalui tapak pelupusan sanitari akan membantu memperoleh metana yang terhasil daripada sisa untuk menjana tenaga. Kerajaan akan terus meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan melakukan pengurangan, penggunaan semula dan pengitaran semula sisa.

Memulihara Kawasan Hutan

Penebangan hutan merupakan punca pelepasan GHG yang kedua utama disebabkan aktiviti manusia yang menyumbang lebih kurang 20% daripada jumlah pelepasan global. Pada masa ini, lebih 55% daripada keluasan tanah di Malaysia dilitupi oleh hutan. Malaysia telah sekian lama

mengamalkan pengurusan hutan secara mampan dalam menggunakan sumber hutan dan pada masa yang sama memastikan hutan terus berfungsi sebagai penyerap karbon. Dalam tempoh Rancangan, usaha berterusan akan diambil bagi menggalak Kerajaan Negeri mewarta lebih banyak kawasan hutan terutamanya kawasan tадahan air sebagai kawasan yang dilindungi. Di samping itu, Kerajaan dengan kerjasama sektor swasta, NGO dan orang awam akan meneruskan usaha penanaman pokok bagi menghijaukan negara.


Mengurang Pelepasan untuk Meningkatkan Kualiti Udara

Pelaksanaan Pelan Tindakan Udara Bersih akan dipergiat di dalam tempoh Rancangan. Usaha akan ditumpu kepada lima bidang utama:

- **Mengurangkan pelepasan daripada kenderaan bermotor.** Penguatkuasaan yang lebih ketat terhadap standard pelepasan akan dilaksana, bertujuan untuk menambah baik standard pelepasan selaras dengan standard global;
- **Mencegah pencemaran jerebu akibat pembakaran tanah dan hutan.** Kerajaan dengan kerjasama negara jiran akan terus mengambil langkah menangani pencemaran jerebu

merentas sempadan di samping meningkatkan usaha pengurusan tanah gambut di Malaysia untuk mencegah kebakaran tanah gambut;

- **Mengurangkan pelepasan dari industri.** Peraturan berkaitan dengan pelepasan oleh industri akan dikaji semula selaras dengan standard pelepasan yang terkini bagi industri tertentu. Industri akan digalak supaya melakukan penyeliaan sendiri melalui kawalan pencemaran, sistem pemantauan dan audit alam sekitar;
- **Membangun keupayaan dan kemampuan institusi.** Langkah ini menumpu kepada pembangunan keupayaan dalam pemantauan dan penguatkuasaan oleh Kerajaan dan kecekapan pengurusan kualiti udara oleh sektor swasta; dan
- **Meningkatkan kesedaran dan penglibatan awam.** Pendidikan dan program kesedaran dengan kerjasama universiti, institusi penyelidikan, NGO dan sektor swasta sebagai program tanggungjawab sosial korporat akan digalakkan.



Mempertingkat Pemuliharaan Aset Ekologi Negara

Pemuliharaan dan penggunaan mampan sumber ekologi negara (fizikal dan biologi) akan dipertingkat terutamanya dalam persekitaran pertumbuhan ekonomi yang pesat. Dalam tempoh Rancangan, langkah yang akan diambil termasuk:

- Mempertingkat usaha pemuliharaan hutan dan hidupan liar; dan
- Memastikan penggunaan sumber yang mampan dan saksama.

Mempertingkat Usaha Pemuliharaan Hutan dan Hidupan Liar

Malaysia dikurnia dengan kekayaan biodiversiti hutan dan marin serta diiktiraf antara negara di dunia yang mempunyai mega biodiversiti. Bagi melindungi aset ini, Kerajaan telah menerima Common Vision on Biodiversity yang menggalakkan pelaksanaan pendekatan tiga-serampang merangkumi pengukuhan Sistem Kawasan Perlindungan, pengurusan landskap dan seascape serta mengarusperdana biodiversiti.

Dalam tempoh Rancangan, usaha melindungi biodiversiti dan habitat akan dipertingkat melalui pelaksanaan Central Forest Spine yang meliputi kawasan seluas 4.32 juta hektar di Semenanjung Malaysia dan Heart of Borneo yang meliputi kawasan seluas 6.0 juta hektar di Sabah dan Sarawak. Pewujudan rangkaian ekologi dalam kawasan berkenaan akan menghubungkan kawasan hutan yang terpisah bagi memudahkan pergerakan hidupan liar dan proses biologi serta mengurangkan konflik antara manusia dengan hidupan liar. Kawasan ini juga berperanan sebagai

kawasan tadahan air dan simpanan biodiversiti yang mempunyai potensi untuk dibangun sebagai kawasan ekopelancongan. Kawasan ini akan diklasifikasi sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar di mana pembangunan dihadkan atau tiada langsung pembangunan dibenarkan.

Malaysia akan meneruskan usaha dalam pengurusan hidupan liar bagi melindungi spesies terancam. Bagi menyokong usaha tersebut, Kerajaan akan menguatkuasa undang-undang bagi perdagangan spesies fauna dan flora selaras dengan obligasi negara terhadap Konvensyen Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Fauna dan Flora Terancam (CITES). Orang Utan, Harimau Malaya, tenuk dan seladang antara lain, merupakan spesies perlambangan negara yang menjadi tumpuan bagi usaha pemuliharaan dengan kerjasama sektor swasta. Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Belang Kebangsaan akan dilaksana untuk meningkatkan populasi harimau dengan memberi perlindungan yang berkesan kepada harimau dan mangsanya dan disokong usaha pemuliharaan ekosistem hutan yang bersambungan.

Bagi melindungi kawasan pantai dan marin, Rancangan Fizikal Zon Pantai Negara akan diintegrasikan ke dalam RFN bagi mempertingkatkan pengurusan dan perlindungan pesisir pantai termasuk usaha meningkatkan penanaman

pokok bakau. Pelan Pengurusan Taman Laut Semenanjung Malaysia dan perundangan sedia ada akan dikaji semula bagi memperkuuh pengurusan biodiversiti marin. Selain itu, Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai Inisiatif Segitiga Terumbu Karang akan dilaksana bagi memastikan pemuliharaan dan penggunaan sumber marin secara mampan dan keupayaan pengurusan sumber marin akan dipertingkat untuk memantau perubahan habitat marin dan sumbernya.

Kewujudan data yang komprehensif diperlukan untuk menyokong usaha pemuliharaan. Pada masa kini, pelbagai jabatan dan agensi mengurus pangkalan data biodiversiti secara bersendirian. Dalam tempoh Rancangan, usaha akan diteruskan untuk menghubung atau menyepadukan pangkalan data dan inventori biodiversiti sedia ada ke arah membangunkan sebuah pusat sehenti yang komprehensif pada masa hadapan.

Menjamin Penggunaan Sumber yang Mampan dan Saksama

Masyarakat tempatan memainkan peranan penting dalam pemuliharaan dan penggunaan sumber alam sekitar kerana mereka mempunyai ilmu yang luas dan mendalam serta berpengetahuan mengenai alam semulajadi yang diwarisi dari generasi ke generasi. Usaha melibatkan masyarakat tempatan merangkumi:

- **Penglibatan masyarakat tempatan dalam usaha pemuliharaan.** Masyarakat tempatan mempunyai peranan yang besar dalam penggunaan sumber secara mampan. Sebagai sumber pendapatan tambahan, masyarakat tempatan boleh mengambil bahagian dalam aktiviti ekopelancongan seperti menjadi pemandu pelancong dan pemandu hutan. Contoh kejayaan bagaimana masyarakat tempatan telah memainkan peranan dalam aktiviti ekopelancongan ialah sistem Tagal bagi memulihara populasi ikan sungai, yang telah diamalkan dari generasi ke generasi di kalangan masyarakat Dusun di Sabah; dan

- **Memperkenalkan Kerangka Kerja Akses dan Perkongsian Faedah.** Masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan di Malaysia mempunyai pengetahuan tradisional yang berpotensi untuk membangun produk perubatan, farmaseutikal, nutraseutikal dan produk bioteknologi. Kerajaan akan menggubal kerangka perundangan mengenai Akses dan Perkongsian Faedah bagi memastikan faedah yang diraih diagih secara adil dan saksama. Kerangka kerja akan disokong oleh kesediaan institusi bagi memupuk kesedaran dan penyebaran maklumat berkaitan Akses dan Perkongsian Faedah.

Selaras dengan usaha untuk menjadikan bioteknologi sebagai salah satu sumber kekayaan baru negara, isu biokeselamatan yang melibatkan kaedah pemindahan, pengendalian dan penggunaan organisma hidup diubah suai (LMO) menjadi semakin penting. Penguatkuasaan Akta Biokeselamatan 2007 yang berkesan akan memastikan impak negatif akibat penggunaan bioteknologi moden yang menggunakan LMO terhadap biodiversiti dan kesihatan manusia dapat dikurang dan diurus dengan baik.



KESIMPULAN

Kepentingan untuk melonjakkan kualiti hidup rakyat menjadi intipati dalam setiap strategi pembangunan negara. Bagi Malaysia, ini bermakna pelaburan yang berterusan diperlukan dalam infrastruktur fizikal di samping memastikan produktiviti dan kecekapan dicapai bagi setiap bidang. Pendekatan yang baru diperlukan selaras dengan persekitaran yang sentiasa berubah. Menyedari hakikat ini, Malaysia akan melaksanakan penstrukturran secara sistematik dalam pelaburan serta penyediaan perkhidmatan penting termasuk:

- Penstrukturran semula kerangka kerja perlesenan dan operasi pengangkutan awam yang akan diterajui oleh SPAD disokong oleh pelaburan besar dalam sistem pengangkutan awam seperti pengenalan sistem transit berkapasiti tinggi di *Greater KL*;
- Dasar perumahan akan mengalami anjakan besar dengan penubuhan Tabung Penyenggaraan Perumahan yang memberi penekanan baru ke atas keseluruhan kitaran hayat dalam penyediaan perumahan meliputi pembinaan sehingga penyenggaraan;
- Transformasi sektor penjagaan kesihatan bagi mengurangkan jurang di antara sistem yang disediakan oleh pihak awam dengan swasta dengan memberi tumpuan kepada sistem penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan;
- Usaha berterusan bagi meningkatkan kecekapan operasi industri perkhidmatan air dan mewujudkan asas kewangan yang mampan bagi memastikan pelaburan yang berterusan dalam sektor ini;



- Memuktamad pengambilalihan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam bagi memudahkan pemodenan dalam kutipan, pengendalian dan pelupusan sisa pepejal serta penjagaan ruangan bersama; dan
- Mempergiat usaha membanteras dan mencegah jenayah dengan memperkemas keseluruhan sistem keadilan jenayah melalui kekerapan kehadiran polis dan menambah baik usaha penguatkuasaan.

RMKe-10 juga menanda perubahan besar dalam strategi pertumbuhan secara spatial. Kerajaan akan melaksana pendekatan pertumbuhan secara berfokus, menerima pakai strategi bagi membina kepadatan, membangunkan kluster dan pengkhususan dalam sektor bernilai tinggi bagi mengambil peluang daripada pulangan berskala besar di bandar. Bagi menjadikannya sebagai pemacu pertumbuhan, bandar yang berdaya maju dan menarik akan menjadi tumpuan utama. Ini dapat dicapai melalui pembaharuan penekanan untuk mewujudkan ruang awam yang menarik di samping memupuk aktiviti kesenian, kebudayaan dan riadah untuk menyokong peningkatan penduduk kosmopolitan. Pertumbuhan yang padat akan diurus melalui dasar kawalan pertumbuhan dan disokong menerusi infrastruktur bertaraf dunia. Setiap bandar di Malaysia adalah

unik dengan ciri dan kelebihan yang tersendiri dan akan mempunyai strategi yang dirangka khusus berdasarkan keunikan warisan, komposisi dan potensi bagi pertumbuhan.

Setiap warga Malaysia bertanggungjawab memulihara alam sekitar untuk generasi akan datang. Dalam dunia yang berhadapan dengan kesan perubahan iklim dan peningkatan tekanan ke atas alam sekitar, dua cabaran yang perlu dihadapi oleh Kerajaan ialah mengurus khazanah alam sekitar secara berhemat di samping menyerlahkan potensi sumber ekonomi secara mampan. Ini bermakna dasar dan mekanisme perlu diwujud untuk memastikan penilaian yang teratur ke atas sumber alam sekitar dari segi penilaian kos melepas dan implikasi pelaburan awam dan swasta ke atas alam sekitar.

Secara keseluruhan, dasar, strategi dan program yang akan dilaksana dalam tempoh Rancangan bukan hanya akan menyumbang ke arah penilaian yang tepat ke atas khazanah alam sekitar negara tetapi juga akan menjamin kemampunan kualiti hidup rakyat Malaysia.